

INDEKS BELANJAWAN TERBUKA MALAYSIA

# MyOBI 2026

Nischal Ranjinath Muniandy

Ahmad Abi Shifa Mohd Hassan

Dara Waheda Mohd Rufin

Dr. Stewart Nixon





## Isi Kandungan

|                                                                         |            |
|-------------------------------------------------------------------------|------------|
| <b>Penulis</b>                                                          | <b>v</b>   |
| <b>Penghargaan</b>                                                      | <b>vii</b> |
| <b>Ringkasan Eksekutif</b>                                              | <b>ix</b>  |
| <b>1     Pendahuluan</b>                                                | <b>1</b>   |
| <b>2     Latar Belakang Indeks</b>                                      | <b>3</b>   |
| Kebolehcapaian Awam                                                     | 4          |
| Pemantauan                                                              | 6          |
| Penglibatan Awam                                                        | 7          |
| Perubahan dalam Indeks 2026                                             | 7          |
| <b>3     Metodologi</b>                                                 | <b>9</b>   |
| <b>4     Dapatan Utama</b>                                              | <b>10</b>  |
| Kebolehcapaian Awam                                                     | 10         |
| <i><b>Kotak 1: Membandingbezakan Kajian Kes Kebolehcapaian Awam</b></i> | 16         |
| Pemantauan                                                              | 17         |
| <i><b>Kotak 2: Perbandingan antara Dua Kajian Kes Pemantauan</b></i>    | 25         |
| Penglibatan Awam                                                        | 26         |
| <b>5     Saranan</b>                                                    | <b>28</b>  |
| Saranan untuk Menambah Baik Kebolehcapaian Awam                         | 28         |
| Saranan untuk Menambah Baik Pemantauan                                  | 29         |
| Saranan untuk Menambah Baik Penglibatan Awam                            | 30         |
| <b>Senarai Rujukan</b>                                                  | <b>31</b>  |
| <b>Lampiran</b>                                                         | <b>32</b>  |

Hak Cipta © 2026 oleh IDEAS. Hak cipta terpelihara.  
Pertama kali diterbitkan pada Ogos 2026.

Diterbitkan oleh:

IDEAS Policy Research Berhad (IDEAS)

Suite 10-02, 10<sup>th</sup> Floor, Menara Atlan, 161B, Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur, Malaysia

[www.ideas.org.my](http://www.ideas.org.my)

Nombor Pendaftaran:1219187-V

Hak cipta laporan penyelidikan ini adalah milik Institut Demokrasi dan Hal Ehwal Ekonomi (IDEAS). Semua atau mana-mana bahagian laporan penyelidikan ini boleh diterbitkan semula dengan syarat pengiktirafan sumber dibuat atau dengan kebenaran IDEAS. IDEAS tidak bertanggungjawab, tidak memberikan jaminan dan tidak menanggung liabiliti, sama ada secara tersurat atau tersirat, atas terbitan semula penerbitan ini yang dilakukan tanpa kebenaran IDEAS.

Diterjemah daripada Bahasa Inggeris oleh Hazman Baharom, disunting oleh Zuhdi Farhan.

Reka bentuk dan reka letak oleh Teck Hee.

## Penulis



**Nischal Ranjinath Muniandy**

Nischal Ranjinath Muniandy ialah Eksekutif Penyelidik Kanan di bawah teras Tadbir Urus Bertanggungjawab. Beliau berkelulusan dalam bidang Dasar Awam daripada Universiti Malaya (UM). Beliau memiliki pengalaman luas dalam menjalankan kajian merangkumi bidang dasar telekomunikasi, pembandaran dan perumahan, dan pengangkutan lestari. Beliau pernah memimpin projek penulisan laporan tentang pendanaan pengangkutan awam, perumahan dan reka bentuk bandar, federalisme fiskal, dan tadbir urus perubahan iklim.

Kini, beliau menumpukan kepada pengkhususan dalam bidang pengurusan kewangan kerajaan negeri. Beliau memainkan peranan utama dalam menganalisis ketelusan belanjawan negeri dan kebolehcapaian dokumen belanjawan negeri sebagai sebahagian daripada Indeks Belanjawan Terbuka Malaysia (MyOBI). Ia juga merupakan projek kajian beliau tentang sifat dan sejarah pemindahan dana serta geran antara kerajaan negeri dengan kerajaan persekutuan.

Minat kajian utama beliau adalah dalam bidang federalisme fiskal, dasar pembandaran, dan pendanaan pengangkutan.



**Ahmad Abi Shifa Mohd Hassan**

Ahmad Abi Shifa ialah Penolong Pengurus di bawah teras Tadbir Urus Bertanggungjawab. Fokus kajian beliau merangkumi bidang geopolitik, ekonomi, kewangan and tadbir urus demokratik. Kajian beliau menilai bagaimana ekonomi politik, sistem kewangan awam, dasar luar, dan reka bentuk institusi mempengaruhi kebertanggungjawaban, hasil dasar, dan daya tahan Malaysia di dalam ruang persaingan global.

Selain itu, beliau berpengalaman bertugas di London dan Kuala Lumpur dalam bidang kewangan, tenaga, dasar awam, dan risiko geopolitik, serta pernah bertugas di Preqin, Navig8, PETRONAS, dan HSBC. Kerja beliau membabitkan isu ekuiti swasta, pasaran minyak global, analisis geopolitik dan makroekonomi, strategi dasar serantau mengenai perdagangan, mata wang digital, tenaga, dan risiko reputasi. Ahmad berkelulusan ijazah Sarjana Sains dalam bidang Politik Global dan Sarjana Muda Sains dalam bidang Pengurusan daripada London School of Economics. Disertasi beliau menganalisis sistem kewangan dan institusi demokratik di Malaysia dan Indonesia semasa Krisis Kewangan Asia 1997.



**Dara Waheda Mohd Rufin**

Dara Waheda Mohd Rufin ialah Pengurus Kanan Penyelidikan di bawah teras Demokrasi Berdaya Tahan, Tadbir Urus Bertanggungjawab, dan Masyarakat Terangkum. Beliau memiliki pengalaman lebih dua dekad berkhidmat sebagai peguamcara dan peguambela. Latar belakang profesional beliau merangkumi bidang undang-undang perlembagaan dan hak asasi manusia, reformasi undang-undang, pematuhan garis panduan, dan penyelidikan dasar. Sebelum menyertai IDEAS, beliau memimpin kerja advokasi, khidmat guaman, dan penyelidikan bersama organisasi masyarakat sivil meliputi bidang pembangunan dasar, libat urus bersama pemegang taruh, serta kolaborasi bersama Parlimen dan agensi kerajaan lain.

Dara berkelulusan Sarjana Muda Undang-Undang (Kepujian) dan Sarjana Undang-Undang Komersial daripada Universiti Malaya.



**Dr. Stewart Nixon**

Stewart ialah Pengarah Penyelidikan IDEAS. Beliau berkhidmat memantau hala tuju penyelidikan IDEAS serta menyumbang secara langsung kepada kerja advokasi dan penyelidikan dalam bidang dasar ekonomi, fiskal, serta kelestarian. Beliau memiliki pengalaman yang luas dalam bidang penyelidikan, analisis, dan khidmat nasihat bagi dasar awam. Pengalaman beliau merangkumi kerjaya di Australian Government Treasury, OECD, East Asian Bureau of Economic Research, dan Bank Dunia. Beliau menaruh minat yang mendalam kepada dasar yang menyokong pembangunan ekonomi Malaysia yang mampan dan terangkum, khususnya melibatkan integrasi antarabangsa, transisi tenaga bersih, dan kemapanan ekonomi.

Stewart berkelulusan Ijazah Doktor Falsafah (Ekonomi), Sarjana Pengajian Lanjutan, dan ijazah Sarjana Muda Ekonomi dan Psikologi daripada Australian National University.

## Penghargaan

Para penulis laporan ini ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Alissa Marianne Rode dan Muhammad Arieff Najmuddin untuk sumbangan mereka terhadap proses dan metodologi penyelidikan ini. Terima kasih juga diucapkan kepada Dr Stewart Nixon, Pengarah Penyelidikan IDEAS, atas cadangan yang bermanfaat dan sumbangan yang besar dalam proses menyemak serta menambah baik laporan ini. Selain itu, para penulis juga berterima kasih kepada Amir Ridzuan Jamaludin dan Faiz Zaidi kerana telah memberi sumbangan yang bermakna dalam proses koordinasi dan pengurusan projek. Seterusnya, Ryan Panicker, Zuhdi Farhan, dan Wan Adam Amin telah banyak menyumbang kepada pengurusan program dan komunikasi, manakala Norhayati Murni Misran pula telah memimpin proses penerbitan dan reka bentuk laporan. Para penulis turut memberi penghargaan kepada Muhammad Nur Syazwan Zainal Abidin, Mohammad Imamul Ariffin, Nur Iman Suhailan, Eleanor Inn Rei Shuen, dan Ethan Lee atas sumbangan penting mereka terhadap proses penyuntingan dan bacaan pruf laporan ini. Tidak lupa juga terima kasih kepada Hazman Baharom atas penterjemahan laporan ini ke Bahasa Melayu dan Zuhdi Farhan untuk suntingan terjemahan.

IDEAS ingin memberi pujian kepada pihak Terengganu Strategic and Integrity Institute (TSIS) dan Kerajaan Negeri Sarawak kerana telah memberi maklum balas dan sumbang saran yang bermanfaat berkenaan penilaian MyOBI negeri masing-masing. Idea yang telah disumbangkan adalah amat bermanfaat demi memastikan jawapan kepada tinjauan kami adalah tepat dan semua dokumen yang disediakan disokong oleh sumber serta petikan yang betul. Ia juga menunjukkan bahawa pihak kerajaan negeri sentiasa bersikap proaktif dalam sokongan mereka terhadap isu ketelusan belanjawan dan amalan terbaik tadbir urus. Kami berharap semoga usaha ini dapat menggalakkan lebih banyak kerajaan negeri untuk memberi maklum balas serta bekerjasama dengan inisiatif MyOBI pada masa depan.

IDEAS juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada penyelidik sukarelawan kami yang telah menjalankan penilaian Indeks Belanjawan Terbuka Malaysia (MyOBI) ini lalu membangunkan set data bagi negeri-negeri berikut:

| Nama                                    | Organisasi                                               | Negeri Kajian   |
|-----------------------------------------|----------------------------------------------------------|-----------------|
| Muhammad Syafiq Haiqal bin Supaizam     | Dewan Muda Johor                                         | Johor           |
| Suraya binti Bujang                     | PurpleLily Social Association Kuching                    | Kedah           |
| Muhammad Aqil Iqbal bin Mohd Zulkifli   | Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) Cawangan Kota Bharu | Kelantan        |
| Khairul Anwar bin Azmi                  | All-Party Parliamentary Group Malaysia (APPGM) SDG       | Melaka          |
| Gabriel Hii                             | Sarawak CSO-SDG Alliance                                 | Negeri Sembilan |
| Anass Hasbullah                         | Pertubuhan IKRAM Malaysia                                | Pahang          |
| Wan Muhammad Khairuddin bin Wan Ibrahim | ABIM Cawangan Kota Bharu                                 | Pulau Pinang    |
| Nur Farhanah binti Zainor               | Perdana Fellows Alumni Association (PFAA)                | Perak           |
| Ang Wei Chern                           | Centre for Excellence and Development (CEDev)            | Perlis          |

| Nama                      | Organisasi                                                      | Negeri Kajian |
|---------------------------|-----------------------------------------------------------------|---------------|
| Adam Azrai bin Mazli      | Malaysia United Democratic Alliance (MUDA)                      | Selangor      |
| Muhammad Hanif bin Yahaya | Pertubuhan IKRAM Malaysia                                       | Terengganu    |
| Robert Nicholas Hii       | Society for Equality, Respect, and Trust for All (SERATA) Sabah | Sabah         |
| Geoffrey Tang             | Rise of Social Efforts (ROSE) Sarawak                           | Sarawak       |

Selain penyelidik sukarelawan di atas, IDEAS ingin merakamkan penghargaan terhadap sumbangan yang telah diberikan oleh Amirah Aqilah, Lew Zheng Sheng (John), dan Fairus Fauzi. Mereka telah secara sukarela memastikan penilaian di setiap negeri dapat dilengkapi dengan kapasiti individu masing-masing. Proses penilaian tersebut tidak dapat disempurnakan dengan baik tanpa kerja keras dan sokongan mereka.

Di samping itu, IDEAS mahu merakamkan penghargaan kepada para pewartu setara yang telah memberikan sumbang saran bebas terhadap skor MyOBI. Para pewartu setara tersebut diundang sama ada daripada organisasi masyarakat sivil dan memiliki kepakaran berkaitan, pernah menjalani latihan sebagai rakan penilai MyOBI atau berpengalaman dalam penandaarasan Tinjauan Belanjawan Terbuka (Open Budget Survey, OBS).

Penerbitan ini dibiayai oleh Kesatuan Eropah. IDEAS mengambil tanggungjawab sepenuhnya ke atas isi kandungan penerbitan ini dan ia tidak semestinya mencerminkan pandangan Kesatuan Eropah.



**Dibiayai oleh  
Kesatuan Eropah**



## Ringkasan Eksekutif

Belanjawan kerajaan ialah satu daripada instrumen dasar terpenting dalam pelaksanaan kuasa kerajaan. Belanjawan menentukan bagaimana sumber awam diagihkan, keutamaan dasar diterjemahkan menjadi pelaksanaan, dan membentuk cara penyampaian perkhidmatan awam. Proses belanjawan yang terbuka dan telus membolehkan anggota legislatif, organisasi masyarakat sivil, para penyelidik, dan rakyat meneliti keputusan kerajaan. Hal ini dapat mengukuhkan kebertanggungjawaban dalam pengurusan dana awam, bahkan para pemegang taruh tersebut turut dapat terlibat sama dalam proses dasar awam dengan lebih bermakna. Proses belanjawan yang lebih terangkum dan telus juga dapat menyokong tadbir urus fiskal yang lebih baik, memperkukuh keyakinan awam terhadap institusi kerajaan, dan menggalakkan penggunaan sumber awam yang lebih berkesan serta bertanggungjawab.

Kini, Indeks Belanjawan Terbuka Malaysia (MyOBI) edisi ketiga menjelaskan penilaian paling menyeluruh terhadap ketelusan belanjawan negeri di Malaysia. Ia menilai tahap kebolehcapaian awam serta ketepatan masa penerbitan dokumen utama belanjawan, tahap keberkesanan pemantauan legislatif sepanjang proses belanjawan, dan ruang yang tersedia agar orang awam dapat melibatkan diri dalam pembuatan keputusan berkaitan belanjawan. Indikator ini menjadi penanda aras yang praktikal untuk menilai serta membandingkan tahap tadbir urus dalam sistem perangkaan belanjawan negeri.

Dapatan MyOBI 2026 menunjukkan gambaran yang bercampur-baur tentang tahap ketelusan belanjawan antara negeri di Malaysia. Secara umum, tahap kebolehcapaian awam terhadap maklumat belanjawan masih berada di bawah tahap yang diperlukan dalam menyokong tadbir urus fiskal yang bertanggungjawab. Dalam kes ini, hanya beberapa buah negeri sahaja yang menyediakan tahap kebolehcapaian yang boleh dipuji. Tiada satu negeri pun yang menerbitkan semua dokumen penting berkaitan belanjawan masing-masing. Jurang pencapaian antara negeri telah melebar semenjak tahun 2024. Pun begitu, terdapat juga perkembangan yang baik, iaitu sembilan buah negeri menunjukkan peningkatan sebenar dari aspek kebolehcapaian awam dengan cara menerbitkan dokumen penting tepat pada masanya. Namun, metodologi MyOBI yang lebih terperinci telah meninggikan tanda aras lalu menjadikan skor sembilan buah negeri ini lebih rendah pada tahun 2026. Di bawah kriteria yang lebih menyeluruh, lima buah negeri kini tergolong dalam kelompok "Tahap Dedahan Tidak Memuaskan," berbanding empat buah negeri pada tahun 2024. Hanya empat buah negeri mencapai "Tahap Dedahan Tinggi". Johor dan Pahang mencatatkan peningkatan terbesar berbanding tahun 2024. Hal ini disebabkan amalan penerbitan mereka yang lebih baik, walaupun kedua-dua negeri tersebut masih dikira ketinggalan berbanding negeri lain yang menunjukkan pencapaian tertinggi. Terengganu dan Selangor masih berada kedudukan tertinggi. Dua negeri ini turut melakukan penambahbaikan berterusan terhadap maklumat yang boleh diakses oleh orang awam. Usaha sebegini menunjukkan bahawa amalan tadbir urus dan reformasi terbaik boleh dicapai sekalipun dalam konteks ekonomi dan politik yang amat berbeza.

Terdapat perbezaan dan perubahan ketara yang muncul dalam tahap pemantauan legislatif antara negeri sejak tahun 2024. Lima buah negeri telah mengorak langkah yang besar, dan kini mereka telah memiliki sistem pemantauan yang relatif kukuh. Perak telah meningkat naik daripada menjadi negeri tercorot dalam ranking MyOBI 2024, kini menjadi salah sebuah negeri dengan skor tertinggi dalam MyOBI 2026 (bersama-sama Selangor, Terengganu, Johor dan

Pulau Pinang). Peningkatan tersebut merangkumi pembentangan belanjawan yang lebih awal dalam sidang DUN serta lebih banyak maklumat tentang DUN turut dapat diakses. Ia termasuklah penyata Hansard, maklumat tentang jawatankuasa pilihan, serta soalan dan jawapan para Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN). Hal ini telah meningkatkan penelitian awam terhadap persidangan DUN. Negeri Sembilan dan Kedah telah berhasil meningkatkan tahap pemantauan mereka mengikut metodologi sebelum ini, dan sekarang mencapai skor di peringkat pertengahan. Negeri lain selain yang disebutkan di atas sama ada hanya mengekalkan amalan pemantauan tercorot sebelum ini, atau terus merudum dalam skor mereka. Hal ini menggambarkan betapa jurang amalan pemantauan legislatif sedang melebar di Malaysia.

Seterusnya, penglibatan awam kekal menjadi komponen dengan skor terendah dalam proses tadbir urus belanjawan negeri. Hanya sedikit sahaja negeri yang membuka peluang kepada orang awam secara formal untuk menyumbang dalam proses perangkaan dan pelaksanaan belanjawan. Kebanyakan negeri tidak langsung mewujudkan apa-apa mekanisme yang bermakna untuk orang awam memainkan peranan mereka. Meskipun semua negeri menyebarkan maklumat tentang belanjawan menerusi saluran seperti siaran langsung pembentangan belanjawan dan hantaran di platform media sosial, usaha ini seharusnya hanya menjadi pelengkap kepada mekanisme penglibatan awam. Ia tidak sepatutnya menggantikan ruang yang dapat digunakan oleh orang awam dan organisasi masyarakat sivil untuk memberikan maklum balas mereka secara berstruktur. Justeru, usaha memperkukuh penglibatan awam demi meningkatkan tahap kebertanggungjawaban belanjawan negeri kekal menjadi satu daripada cabaran besar yang masih tertunggak di Malaysia.

# 1 Pendahuluan

Indeks Belanjawan Terbuka Malaysia (MyOBI) telah dimulakan pada tahun 2019, seterusnya penerbitan laporan penilaian pertama pada tahun 2022. Ia bertujuan untuk menyediakan proses penilaian yang sistematik terhadap tahap ketelusan belanjawan, pemantauan legislatif, dan penglibatan awam dalam proses belanjawan di peringkat negeri. Menerusi tiga edisi penilaian ini, MyOBI telah menjadi satu penanda aras yang diiktiraf untuk menilai tahap keterbukaan dalam proses belanjawan negeri serta memantau kemajuan tadbir urus kewangan awam di seluruh Malaysia.

Ketelusan dalam merangka belanjawan adalah tonggak kepada kerajaan yang bertanggungjawab. Akses terhadap maklumat belanjawan akan membolehkan orang awam, organisasi masyarakat sivil, para penyelidik, dan wakil rakyat untuk memahami keutamaan pihak kerajaan dengan lebih baik. Mereka juga dapat memantau pelaksanaan dasar awam serta melibatkan diri dengan lebih bermakna dalam perbincangan berkaitan dasar kerajaan. Ketelusan yang lebih baik bermaksud wujud kepercayaan awam yang lebih kuat, pengurusan fiskal yang lebih baik, dan pengagihan sumber awam yang lebih berkesan.

Namun, ketelusan belanjawan memiliki tujuan yang lebih besar, bukan sekadar meningkatkan tahap kebertanggungjawaban sahaja. Ia turut menjadi tiang seri kepada perbahasan yang lebih jujur dan termaklum dalam kalangan orang awam tentang realiti fiskal, pilihan dasar, dan kompromi berkenaan kewangan awam. Dokumen belanjawan bukan sekadar menunjukkan cara pihak kerajaan membelanjakan dana awam, malah turut mendedahkan kekangan yang membelenggu operasi kerajaan.

Hal ini adalah penting khususnya dalam sistem fiskal Malaysia yang sangat berpusat. Kerajaan negeri memiliki autonomi fiskal yang terbatas dan kemampuan yang sedikit untuk menjana hasil kewangan untuk negeri masing-masing. Kerajaan negeri yang ditadbir dengan baik adalah lebih berkemampuan untuk memenuhi keperluan masyarakat setempat berbanding kerajaan persekutuan, selain turut memiliki keabsahan demokratik yang lebih baik berbanding ahli majlis yang tidak dipilih melalui pilihan raya, meskipun ahli majlis tersebut memegang kuasa yang lebih besar terhadap isu harian seperti zon setempat, kutipan sampah, dan landskap. Kelemahan dalam tadbir urus fiskal bukanlah halangan utama terhadap kemampuan kerajaan negeri untuk menggalas lebih banyak tanggungjawab melangkaui kewajipan sedia ada seperti membaiki jalan raya, menyediakan khidmat kebajikan sosial, dan menguruskan perpustakaan negeri. Pelaksanaan amalan terbaik mewajarkan pertimbangan agar penurunan kuasa yang lebih luas diberikan kepada kerajaan negeri, memandangkan kelaihan berterusan dalam aspek ketelusan fiskal, pemantauan, dan penglibatan awam di bawah kerajaan persekutuan (International Budget Partnership, 2026a).

Hakikatnya, pihak kerajaan negeri semakin dihambat keresahan. Mereka mahukan lebih banyak dana, skop tanggungjawab yang lebih luas, dan hubungan antara kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri yang lebih seimbang. Johor sedang menuntut supaya sekurang-kurangnya 25% daripada hasil cukai yang dikutip dalam wilayahnya dikembalikan kepada pihak negeri. Pulau Pinang turut menuntut peratusan hasil kutipan cukai Persekutuan yang lebih besar. Malah, proses rundingan dengan Sabah dan Sarawak sedang berjalan membabitkan hak fiskal serta kawalan yang lebih besar terhadap agensi kerajaan sejajar dengan Perjanjian Malaysia 1963 (MA63).

Tahap ketelusan yang lebih tinggi membantu orang awam untuk lebih memahami hubungan antara aspirasi dasar dengan sumber yang tersedia. Ia juga dapat menjadi sumber bukti kepada para penggubal dasar di kedua-dua peringkat persekutuan dan negeri tentang cabaran yang dihadapi dalam penyampaian perkhidmatan awam serta keutamaan pembangunan. Maka, ketelusan belanjawan dapat menyumbang ke arah perbincangan lebih baik tentang federalisme fiskal, keupayaan kerajaan negeri, serta pengagihan tanggungjawab merentas segenap lapisan pentadbiran kerajaan.

Dapatan ketiga-tiga edisi MyOBI ini menunjukkan bahawa peningkatan yang bermakna dalam tahap ketelusan belanjawan dapat dicapai jika kerajaan negeri komited terhadap reformasi. Beberapa buah negeri telah berhasil meningkatkan kebolehcapaian dan ketepatan waktu penerbitan maklumat belanjawan. Selain itu, mereka turut memperkasa proses pemantauan legislatif. Dalam hal ini, segala bukti, proses libat urus, dan advokasi yang dijalankan oleh MyOBI dan IDEAS telah menyumbang kepada kejayaan tersebut.

Pada masa yang sama, terdapat lagi ruang penambahbaikan untuk semua negeri meningkatkan pencapaian mereka, meskipun ada beberapa buah negeri yang kekal corot di bawah tahap yang memuaskan. Beberapa buah negeri mencatatkan pengurangan ketara dalam salah satu atau kedua-dua indikator, iaitu kebolehcapaian awam dan pemantauan sepanjang tempoh dua tahun sejak edisi 2024. Keadaan ini menatijahkan keperluan untuk menginstitusikan ketelusan, memperkasa pemantauan, dan meluaskan ruang penglibatan awam demi memastikan kemampanan kemajuan tanpa dipengaruhi perubahan politik atau pentadbiran.

Senarai soal selidik MyOBI telah diadaptasi daripada kerangka Open Budget Survey (OBS) (International Budget Partnership, 2026b) oleh International Budget Partnership, dan telah diperhalusi supaya sesuai dengan konteks Malaysia. MyOBI dapat memastikan para pemegang taruh mampu memantau kemajuan dari masa ke masa, mengenal pasti jurang pelaksanaan, serta menggariskan amalan terbaik yang boleh dicontohi di tempat lain dengan cara menyediakan penilaian terhadap tahap keterbukaan belanjawan merentas negeri yang bersifat tekal dan berasaskan bukti. Sejurus terbitnya setiap hasil penilaian MyOBI, IDEAS menjalankan libat urus dengan pihak kerajaan negeri dan para pemegang taruh lain untuk membincangkan dapatan kajian, berkongsi amalan terbaik, dan melakukan advokasi terhadap reformasi bersifat praktikal yang dapat memperkasa ketelusan belanjawan, pemantauan legislatif, dan penglibatan awam.

Dalam dua bahagian berikutnya, kami menjelaskan latar belakang indeks ini berserta metodologi yang menyokong pelaksanaannya. Bahagian seterusnya pula membentangkan dan membincangkan dapatan utama mengikut aspek tadbir urus serta piawaian pelaporan khusus. Akhirnya, di bahagian kesimpulan, laporan ini menggariskan saranan yang membolehkan lebih banyak negeri mencapai piawaian amalan terbaik tadbir urus.

## 2 Latar Belakang Indeks

MyOBI ialah penilaian bandingan terhadap tahap ketelusan belanjawan negeri berdasarkan penandaarasan antarabangsa yang telah ditetapkan dalam OBS kelolaan International Budget Partnership. Soal selidik ini menilai tahap kebolehcapaian awam terhadap maklumat belanjawan kerajaan negeri serta peranan institusi pemantau seperti Dewan Undangan Negeri (DUN) dan para juruaudit negeri.

Indeks tahun 2026 ini didasarkan kepada 48 soalan. Kesemua soalan tersebut dibahagikan mengikut tiga tema seperti berikut:

**Jadual 1: Komponen Penilaian MyOBI**

| Kebolehcapaian Awam<br>(Public Availability, PA)                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                           | Pemantauan<br>(Oversight, OV)                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                            | Penglibatan Awam<br>(Public Participation, PP)                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                             |
|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <p><b>24 soalan</b> untuk menilai tahap ketersediaan dan kebolehcapaian awam terhadap dokumen belanjawan, termasuklah:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Cadangan Belanjawan Eksekutif (<i>Executive Budget Proposal, EBP</i>);</li> <li>Enakmen Perbekalan (<i>Enacted Budget, EB</i>);</li> <li>Laporan Akhir Tahun (<i>Year End Report, YER</i>); dan</li> <li>Laporan Audit (<i>Audit Report, AR</i>).</li> </ul> <p>Soalan turut merangkumi kebolehcapaian terhadap anggaran hasil dan perbelanjaan negeri, RUU Perbekalan, Ucapan Belanjawan, dan "Belanjawan Rakyat."</p> <p>Soalan bertujuan mengukur tahap perincian maklumat, ketepatan masa penerbitan berserta tempoh masa ia boleh diakses, dan kredibiliti maklumat belanjawan.</p> | <p><b>14 soalan</b> untuk menilai peranan DUN dalam memantau proses belanjawan.</p> <p>Soalan merangkumi penilaian terhadap masa penerbitan dokumen belanjawan untuk diteliti oleh anggota legislatif, tempoh masa yang diperuntukkan untuk penelitian dokumen, maklumat yang telus tentang keanggotaan jawatankuasa penilai, dan kebolehcapaian penyata Hansard bersama Peraturan Majlis Mesyuarat.</p> | <p><b>10 soalan</b> untuk menilai keupayaan orang awam untuk memberi sumbang saran yang bermakna serta termaklum terhadap proses belanjawan.</p> <p>Soalan merangkumi kewujudan ruang, baik secara dalam talian atau bersemuka, supaya orang awam dapat memberi pendapat tentang perangkaan dan pelaksanaan belanjawan. Ia turut menjadi wahana penyemakan terhadap sebaran maklumat belanjawan dan pemantauan terhadap penglibatan oleh organisasi lain termasuklah masyarakat sivil.</p> |

Semua soalan adalah berbentuk jawapan aneka pilihan, mempunyai antara dua dan empat pilihan jawapan, kecuali dua soalan sahaja yang berbentuk jawapan ringkas. Semua jawapan aneka pilihan tersebut seterusnya diterjemahkan menjadi markah dalam skala 0 hingga 100. Markah ini menjadi asas kepada skor MyOBI.

Sepertimana yang terdapat dalam dua edisi sebelum ini, penilaian MyOBI turut mengandungi campuran soalan yang diberi mata nilai dan tidak diberi mata nilai. Komponen Penglibatan Awam adalah sepenuhnya tidak diberi mata nilai. MyOBI ialah penanda aras tadbir urus fiskal yang hidup dan sentiasa berkembang. Justeru, dengan adanya soalan yang tidak diberi mata nilai tersebut, ia menggambarkan pengumpulan data peringkat awal yang berpotensi menjadi penambahbaikan komponen penanda aras pada masa depan. Ia merupakan respons terhadap



proses penambahbaikan berterusan dalam penandaarasan OBS di peringkat antarabangsa, serta komentar yang diberikan dalam sesi libat urus dengan pihak kerajaan negeri pada sela-sela waktu penilaian. Contoh paling ketara adalah terdapat negeri yang menjalankan inisiatif penglibatan awam tetapi tidak melaporkannya.

Di samping itu, terdapat lima soalan tentang kebolehcapaian awam yang tidak diberi mata nilai. Soalan tersebut mencakupi butir perbelanjaan dana milik kerajaan negeri, bahagian perbelanjaan operasi yang diperuntukkan kepada Menteri Besar/Ketua Menteri/Premier dan Perbendaharaan Negeri, kebergantungan hasil negeri terhadap pemindahan fiskal kerajaan persekutuan, peratusan sumber tanah dalam anggaran hasil negeri, serta jenis dokumen audit yang dikemukakan. Kemudian, terdapat satu soalan pemantauan yang tidak diberi mata nilai, iaitu bilangan hari perbahasan belanjawan di DUN.

## **Kebolehcapaian Awam**

Soalan dalam bahagian ini menilai tahap kebolehcapaian orang awam terhadap dokumen utama belanjawan. Soalan tersebut menilai sama ada proses belanjawan adalah telus, dan adakah orang awam telah dimaklumkan tentang keutamaan perbelanjaan serta sumber hasil kerajaan negeri. Tambahan pula, selain menilai kebolehcapaian terhadap dokumen tersebut, soalan dalam bahagian ini turut menilai ketepatan masa penerbitan dokumen. Hal ini adalah untuk memastikan bahawa tempoh yang mencukupi diberikan agar perbahasan yang termaklum lagi kritis dapat dijalankan.

Kerangka MyOBI menilai penerbitan dan pelaporan dokumen seperti berikut:

### **Cadangan Belanjawan Eksekutif**

Ia merupakan satu dokumen belanjawan yang menyeluruh, menggariskan perancangan perbelanjaan kerajaan negeri dalam satu-satu tahun belanjawan. Ia juga merupakan Cadangan belanjawan rasmi yang dikemukakan kepada ahli DUN untuk diluluskan. Dokumen ini merangkumi:

- i. Ucapan belanjawan oleh Menteri Besar/Ketua Menteri/Premier
- ii. RUU Perbekalan yang dibahaskan dan diluluskan oleh DUN; dan
- iii. Anggaran Perbelanjaan dan Hasil Negeri. Dokumen ketiga ini sering dirujuk sebagai "Buku Belanjawan", mencakupi anggaran kutipan hasil dan unjuran perbelanjaan secara terperinci.

Dokumen belanjawan hanya boleh dianggap mencapai tahap kebolehcapaian awam jika ia boleh diakses secara bebas dan percuma oleh orang awam menerusi laman web kerajaan negeri, DUN, atau Menteri Besar/Ketua Menteri/Premier. Hal ini bermaksud, tidak patut ada apa-apa bentuk sekatan akses terhadap dokumen tersebut. Semua dokumen itu mestilah dapat diakses sepanjang tempoh penilaian jika ia mahu dianggap "boleh dicapai oleh orang awam". Jikalau dokumen itu hanya boleh diakses oleh para ADUN, atau boleh diakses oleh orang awam hanya setelah mereka membuat permohonan, atau disekat aksesnya dengan apa-apa cara sekalipun seperti kata laluan, ia dianggap "tidak boleh dicapai oleh orang awam". Begitu juga halnya jika dokumen tersebut diterbitkan lewat, ia juga dianggap "tidak boleh dicapai oleh orang awam".

Dokumen yang telah dimuat naik selepas tempoh penilaian masih boleh diterima berdasarkan kes demi kes. Namun, ia tidak menyumbang kepada skor ketepatan masa. Hal ini kerana, selain kebolehcapaian awam terhadap dokumen utama belanjawan, MyOBI turut menilai tahap ketepatan masa sebagai sebahagian daripada skor Pemantauan. Penilaian skor dari sudut ini termasuklah masa Cadangan Belanjawan Eksekutif dibentangkan lalu diluluskan di dalam DUN, masa penerbitan dokumen belanjawan, dan masa dokumen berkaitan dimuat naik ke laman web rasmi kerajaan negeri.

## Enakmen Perbekalan

Setelah Cadangan Belanjawan Eksekutif dibahaskan, dipinda, dan diluluskan oleh pihak DUN, ia dirujuk sebagai Enakmen Perbekalan. Hakikatnya, dokumen ini ialah RUU Perbekalan yang telah diluluskan oleh pihak DUN setelah Cadangan Belanjawan Eksekutif dibentangkan oleh Badan Eksekutif Negeri.

Kebolehcapaian terhadap dokumen ini ditentukan melalui penerbitan ordinan perbekalan atau enakmen perbekalan di laman web rasmi kerajaan negeri.

## Laporan Akhir Tahun

Laporan Akhir Tahun merujuk kepada satu dokumen yang memperincikan pelaksanaan sebenar belanjawan negeri dari sudut kutipan hasil dan perbelanjaan. Ia juga mencakupi tahap kesihatan kewangan akaun kerajaan pada akhir tahun fiskal sebelumnya.

## Laporan Audit

Laporan Audit ialah dokumen yang diterbitkan oleh Institusi Audit Tertinggi. Dalam kes Malaysia, institusi ini ialah Jabatan Audit Negara, manakala laporan itu pula dirujuk sebagai Laporan Ketua Audit Negara (LKAN). Ia menilai kejituan penyata kewangan kerajaan negeri, pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan sedia ada, serta kesihatan kewangan setiap agensi dan entiti kerajaan.

Di samping itu, kebolehcapaian awam turut bermaksud dokumen berkaitan hendaklah boleh diakses dalam tempoh masa yang wajar supaya proses penglibatan serta pemantauan oleh orang awam dapat berjalan. Contohnya, kerajaan negeri akan mendapat skor sifar dalam aspek kebolehcapaian terhadap Cadangan Belanjawan Eksekutif jika ia hanya diterbitkan setelah belanjawan diluluskan. Hal ini kerana, maklumat tersebut adalah diperlukan supaya belanjawan itu sendiri dapat diteliti dan dibahaskan. Dari sudut ketepatan masa penilaian pula, MyOBI 2026 mengambil kira penerbitan dan pelaporan dokumen berikut:

- Cadangan Belanjawan Eksekutif dan Enakmen Perbekalan bagi tahun 2026
- Laporan Akhir Tahun bagi tahun 2024
- Laporan Audit bagi tahun 2023

**Jadual 2: Piawaian Ketepatan Masa**

| Dokumen Belanjawan            | Ketepatan masa penerbitan menurut piawaian OBS                                                                                                   | Pelaksanaan piawaian dalam konteks Tahun Belanjawan di Malaysia                                                                                                                                                                             |
|-------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Cadangan Belanjawan Eksekutif | <ul style="list-style-type: none"> <li>Sebelum ia diluluskan oleh Badan Legislatif</li> <li>Dua bulan sebelum bermulanya tahun fiskal</li> </ul> | <ul style="list-style-type: none"> <li>Sebelum ia diluluskan oleh DUN</li> <li>Sebelum 16 November</li> </ul> <p><b>Cadangan Belanjawan Eksekutif bagi tahun 2026 sepatutnya diterbitkan antara 1 November hingga 31 Disember 2025.</b></p> |
| Enakmen Perbekalan            | <ul style="list-style-type: none"> <li>Sebelum bermulanya Tahun Belanjawan</li> <li>Dalam masa dua minggu setelah diluluskan oleh DUN</li> </ul> | <ul style="list-style-type: none"> <li>Sebelum 1 Januari pada setiap tahun</li> </ul> <p><b>Enakmen Perbekalan bagi tahun 2026 sepatutnya diterbitkan sebelum 1 Januari 2026.</b></p>                                                       |
| Laporan Akhir Tahun           | <ul style="list-style-type: none"> <li>Dalam masa enam bulan setelah berakhirnya tahun fiskal</li> </ul>                                         | <ul style="list-style-type: none"> <li>Antara bulan Januari hingga Jun pada setiap tahun</li> </ul> <p><b>Laporan Akhir Tahun bagi tahun 2024 sepatutnya diterbitkan antara bulan Januari hingga Jun 2025.</b></p>                          |
| Laporan Audit                 | <ul style="list-style-type: none"> <li>Dalam masa sembilan bulan setelah berakhirnya tahun fiskal</li> </ul>                                     | <ul style="list-style-type: none"> <li>Antara bulan Januari hingga September pada setiap tahun</li> </ul> <p><b>Laporan Audit bagi tahun 2023 sepatutnya diterbitkan antara bulan Januari hingga September 2024.</b></p>                    |

## Pemantauan

Soalan dalam bahagian ini menilai ketepatan masa pembentangan belanjawan di dalam DUN. Hal ini bagi memastikan bahawa adanya masa yang mencukupi untuk melakukan perbincangan yang bermakna sebelum berakhirnya tahun fiskal. Soal selidik ini pula menilai tempoh masa yang diperuntukkan untuk meneliti dan membahaskan belanjawan yang diusulkan, bersama-sama tahap ketelusan prosiding, keanggotaan jawatankuasa, dan prosedur berkaitan. Ia turut menilai sama ada semakan terhadap laporan audit tahun sebelumnya telah dijalankan dan dilaporkan oleh Jawatankuasa Kira-kira Wang Negeri (PAC) atau mana-mana Jawatankuasa Pilihan yang setara.

MyOBI 2026 mewajibkan penerbitan satu laporan yang boleh diakses oleh orang awam. Laporan tersebut mesti memperincikan bagaimana PAC negeri telah menyemak Laporan Audit tahun 2023 sebelum bulan Jun 2025.

## Penglibatan Awam

Soalan dalam bahagian ini mengukur tahap capaian maklumat tentang proses belanjawan oleh orang awam dan organisasi masyarakat sivil. Ia juga mengukur sama ada mereka dapat menyumbang kepada proses perangkaan belanjawan negeri dengan cara yang bermakna, merangkumi mekanisme dalam talian dan bersemuka yang membolehkan orang awam memberikan input mereka dalam proses perangkaan dan pelaksanaan belanjawan tahunan, menilai kewujudan saluran penyebaran maklumat tentang belanjawan, mekanisme pemantauan terhadap penglibatan oleh organisasi akar umbi, dan sistem yang memastikan orang awam dapat menuntut kebertanggungjawaban sekiranya peruntukan belanjawan disalah guna atau disalah urus.

## Perubahan dalam Indeks 2026

Edisi tahun 2026 ini memperkenalkan penambahbaikan paling meluas terhadap kerangka MyOBI semenjak ia mula-mula diperkenalkan. 17 soalan telah ditambah untuk memperkukuh penilaian supaya ia menjadi lebih menyeluruh. Aspek penilaian baharu telah diperkenalkan, termasuk pendedahan sumber hasil negeri dan kebolehcapaian maklumat penting DUN seperti maklumat jawatankuasa pilihan dan soalan yang dikemukakan oleh para ADUN. Seperti yang bakal dijelaskan di bahagian perbincangan dapatan utama, soalan baharu tersebut dapat meningkatkan piawaian tadbir urus fiskal melangkaui tahap penandaarasan pada tahun 2024.

Daripada 17 soalan baharu, sembilan daripadanya di bawah Kebolehcapaian Awam dan lapan soalan diletakkan di bawah Pemantauan. Selain itu, empat soalan yang tidak diberi mata nilai dalam edisi sebelumnya, kini menjadi sebahagian daripada skor penilaian iaitu satu soalan di bawah Kebolehcapaian Awam, dan tiga soalan di bawah Pemantauan.

Soalan tambahan berkenaan Cadangan Belanjawan Eksekutif pula menilai tahap perincian tentang butiran khusus belanjawan di dalam Anggaran Hasil dan Perbelanjaan. Soalan baharu berkenaan Enakmen Perbekalan, Laporan Akhir Tahun, dan Laporan Audit pula menumpukan kepada pelengkapan pelaporan belanjawan. Ia merangkumi kebolehcapaian terhadap arkib Enakmen Perbekalan, pelaporan tentang pelaksanaan aktiviti dan hasilnya dalam Laporan Akhir Tahun, dan maklumat tentang perbezaan antara peruntukan yang diluluskan dengan perbelanjaan sebenar. Soalan baharu di bawah Pemantauan pula menilai kebolehcapaian maklumat tentang jawatankuasa tetap DUN, serta soalan lisan dan bertulis yang dikemukakan oleh para ADUN semasa sidang DUN.

Penglibatan Awam pula telah dikembangkan untuk merangkumi pelbagai mekanisme libat urus orang awam yang di bawah kelolaan kerajaan negeri. Soalan baharu tersebut membezakan antara saluran penglibatan secara dalam talian, umpamanya portal web dan borang maklum balas digital, serta mekanisme secara bersemuka seperti libat urus jawatankuasa pilihan, mesyuarat pemegang taruh, dan sesi dialog awam.

Soalan baharu di bawah Kebolehcapaian Awam dan Pemantauan disenaraikan dalam Jadual 3. Manakala soalan yang tidak diberi mata nilai dalam edisi sebelum ini tetapi kini telah dikira dalam penilaian ditulis dalam **huruf tebal**.

**Jadual 3: Senarai soalan baharu dalam soal selidik MyOBI 2026**

| Bahagian                      | Soalan                                                                                                                                 | Dinilai |
|-------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------|
| Cadangan Belanjawan Eksekutif | EBP-8: Peruntukan kepada syarikat Menteri Besar/Ketua Menteri Diperbadankan atau sesebuah Dana Kekayaan Berdaulat                      | X       |
|                               | EBP-9: Perbelanjaan Operasi yang diperuntukkan kepada pejabat Menteri Besar/Ketua Menteri/Premier dan Perbendaharaan                   | X       |
|                               | EBP-10: Perbelanjaan Pembangunan Tidak Khusus yang diperuntukkan kepada pejabat Menteri Besar/Ketua Menteri/Premier dan Perbendaharaan | ✓       |
|                               | EBP-11: Hasil negeri yang diperoleh melalui geran dan pemindahan fiskal persekutuan                                                    | X       |
|                               | EBP-12: Hasil negeri yang dijana daripada sumber tanah                                                                                 | X       |
| Enakmen Perbekalan            | <b>EB-2: Ketepatan masa penerbitan dokumen Enakmen Perbekalan sedia ada</b>                                                            | ✓       |
|                               | EB-3: Kebolehcapaian terhadap arkib dokumen Enakmen Perbekalan                                                                         | ✓       |
| Laporan Akhir Tahun           | YER-4: Pelaporan aktiviti dan hasil dalam Laporan Kewangan                                                                             | ✓       |
| Laporan Audit                 | AR-3: Perbezaan antara peruntukan perbelanjaan dan perbelanjaan sebenar dalam Laporan Audit                                            | ✓       |
| Pemantauan                    | OV-6: Maklumat tentang Jawatankuasa Pilihan selain daripada PAC                                                                        | ✓       |
|                               | <b>OV-7: Bilangan sesi persidangan DUN</b>                                                                                             | ✓       |
|                               | <b>OV-8: Kebolehcapaian Hansard semasa</b>                                                                                             | ✓       |
|                               | OV-9: Kebolehcapaian Hansard terarkib                                                                                                  | ✓       |
|                               | OV-10: Kebolehcapaian soalan bertulis dan lisan (berserta jawapan)                                                                     | ✓       |
|                               | <b>OV-11: Kebolehcapaian Peraturan Majlis Mesyuarat</b>                                                                                | ✓       |
|                               | OV-12: Mandat penubuhan Jawatankuasa Pilihan di dalam Peraturan Majlis Mesyuarat                                                       | ✓       |
|                               | OV-13: Butiran perbelanjaan khusus untuk Jawatankuasa Pilihan dalam dokumen belanjawan negeri                                          | ✓       |



### 3 Metodologi

IDEAS bekerjasama dengan 16 orang penyelidik sukarelawan di seluruh Malaysia untuk menjalankan penilaian ini. Meskipun ramai para penyelidik tersebut menganggotai organisasi tempatan, ada juga yang menyertai projek ini atas kapasiti orang awam yang bebas. Mereka menaruh minat yang mendalam terhadap ketelusan belanjawan dan kebertanggungjawaban fiskal.

Sebelum bermulanya penilaian ini, IDEAS telah menjalankan siri latihan untuk mendedahkan para penyelidik tersebut dengan proses belanjawan negeri, istilah belanjawan yang wajar, dan metodologi penilaian. Sesi tersebut dirancang untuk memastikan kefahaman yang tekak terhadap kerangka penilaian MyOBI dan melengkapkan para penyelidik dengan ilmu pengetahuan yang diperlukan dalam mengenal pasti dan menilai maklumat belanjawan yang boleh diakses orang awam.

Sepanjang tempoh penilaian pula, IDEAS mengadakan sesi mesyuarat penyelarasan secara berkala. Ia bertujuan untuk berkongsi garis panduan metodologi, menjelaskan soalan soal selidik, dan membincangkan cabaran yang dihadapi dalam proses pengumpulan data. Para penyelidik juga boleh menghubungi pasukan IDEAS secara langsung jika mereka memerlukan bantuan atau penjelasan tambahan.

Dapatan penilaian lengkap telah diserahkan oleh IDEAS kepada: (i) para pewasit setara dalam kalangan pakar sistem belanjawan Malaysia; dan (ii) semua kerajaan negeri serta badan lain yang relevan supaya mereka dapat memberi maklum balas terhadap hasil penilaian negeri masing-masing. Untuk edisi kali ini, kerajaan negeri Sarawak dan badan pemikir negeri Terengganu, TSIS, telah memberikan maklum balas dalam proses semakan ini.

Dapatan MyOBI menggambarkan sebuah proses penilaian yang mapan dan bebas, walaupun dapatan tersebut pasti boleh mendapat manfaat yang lebih banyak jika adanya pengesahan lanjut daripada pihak kerajaan negeri. Penilaian MyOBI adalah berasaskan satu metodologi yang telus dan seragam, disokong oleh latihan penyelidik, proses pewasitan setara, serta proses jaminan kualiti dalaman. Pengesahan rasmi daripada pihak kerajaan semestinya akan dapat meluaskan ruang dialog yang konstruktif serta ruang kolaborasi bersama para pegawai kerajaan negeri yang bertujuan meningkatkan tahap ketelusan belanjawan, kebertanggungjawaban, dan akses orang awam terhadap maklumat belanjawan secara langsung.

Skor penilaian pula dikira melalui purata mudah (tanpa pemberat) skor setiap soalan yang daripada setiap kategori. Skor Kebolehcapaian Awam diperoleh daripada skor purata soalan yang berkaitan Cadangan Belanjawan Eksekutif, Enakmen Perbekalan, Laporan Akhir Tahun, dan Laporan Audit. Skor Pemantauan pula dikira daripada skor soalan di bawah Pemantauan.

## 4 Dapatan Utama


### Kebolehcapaian Awam

Skor bahagian ini menilai sama ada dokumen utama belanjawan negeri boleh diakses secara bebas dan percuma oleh orang awam, mengandungi perincian yang mencukupi dan diterbitkan dalam tempoh masa yang diperlukan bagi membolehkan ia diteliti secara bermakna. Dokumen ini memungkinkan para anggota badan legislatif, organisasi masyarakat sivil, penyelidik, dan orang awam untuk memahami cara pihak kerajaan negeri menjana lalu membelanjakan hasil negeri. Mereka juga dapat membandingkan jumlah peruntukan yang diluluskan dengan perbelanjaan sebenar, lantas menjadikan pihak kerajaan lebih dipertanggungjawabkan ke atas semua keputusan kewangan negeri.

### Skor Indeks 2026

Dapatan MyOBI 2026 menonjolkan perbezaan yang ketara dan berterusan antara negeri dari sudut kebolehcapaian maklumat belanjawan. Hanya empat buah negeri yang mencapai "Tahap Dedahan Tinggi" menurut indeks MyOBI. Empat buah negeri lain pula mencapai "Tahap Dedahan Minimum" (Rajah 1). Seterusnya, baki lima buah negeri lagi mencatatkan pencapaian tercorot apabila mereka tergolong dalam kategori "Tahap Dedahan Tidak Memuaskan".

Rajah 1: Skor Kebolehcapaian Awam Mengikut Negeri



Jika dilihat secara bersama, dapatan ini menunjukkan bahawa pendedahan maklumat belanjawan yang jelas bukanlah satu norma kerana hanya dilakukan oleh beberapa negeri sahaja. Tidak dinafikan bahawa kebanyakan negeri hanya menerbitkan maklumat utama seperti Ucapan Belanjawan di DUN atau Belanjawan Rakyat yang ringkas, tetapi sangat sedikit negeri yang menerbitkan dokumen terperinci lagi autoritatif. Dokumen tersebut amat diperlukan untuk memahami cara dana diperuntukkan, dipinda, dibelanjakan, dilapor dan direkodkan merentasi keseluruhan kitaran belanjawan negeri. Kelemahan paling ketara masih lagi penerbitan RUU Perbekalan, Enakmen Perbekalan, dan Laporan Akhir Tahun. Hal ini mengakibatkan wujudnya jurang yang luas antara belanjawan yang dibentangkan, belanjawan yang diluluskan, dengan perbelanjaan sebenar daripada sumber dana awam. Tuntasnya, tiada satu pun negeri yang menerbitkan satu set lengkap dokumen utama belanjawan yang dinilai di bawah MyOBI dan mengikuti garis masa yang ditetapkan (Jadual 4).

**Jadual 4: Kebolehcapaian Awam Terhadap Dokumen Utama Belanjawan Negeri**

| Negeri          | EBP (2026) |                     |                | Belanjawan Rakyat | EB (2026) | YER (2024) | AR (2023) | Jumlah Skor |
|-----------------|------------|---------------------|----------------|-------------------|-----------|------------|-----------|-------------|
|                 | Ucapan     | Anggaran Belanjawan | RUU Perbekalan |                   |           |            |           |             |
| Johor           | ✓          | ✓                   | X              | ✓                 | X         | X          | ✓         | 4/7         |
| Kedah           | X          | X                   | X              | ✓                 | X         | X          | ✓         | 2/7         |
| Kelantan        | X          | X                   | X              | ✓                 | X         | X          | ✓         | 2/7         |
| Melaka          | ✓          | ✓                   | X              | ✓                 | X         | X          | ✓         | 4/7         |
| Negeri Sembilan | ✓          | ✓                   | X              | ✓                 | X         | ✓          | ✓         | 5/7         |
| Pahang          | ✓          | X                   | X              | ✓                 | X         | X          | ✓         | 3/7         |
| Perak           | ✓          | ✓                   | X              | ✓                 | X         | ✓          | ✓         | 5/7         |
| Perlis          | X          | X                   | X              | ✓                 | X         | X          | ✓         | 2/7         |
| Pulau Pinang    | ✓          | X                   | X              | ✓                 | X         | ✓          | ✓         | 4/7         |
| Sabah           | ✓          | X                   | X              | X                 | X         | X          | ✓         | 2/7         |
| Sarawak         | ✓          | ✓                   | X              | ✓                 | X         | X          | ✓         | 4/7         |
| Selangor        | ✓          | ✓                   | X              | ✓                 | X         | ✓          | ✓         | 5/7         |
| Terengganu      | ✓          | ✓                   | X              | ✓                 | ✓         | ✓          | ✓         | 6/7         |
| Jumlah          | 10/13      | 7/13                | 0/13           | 12/13             | 1/13      | 5/13       | 13/13     |             |

|                                                                                                                                           |   |                                             |                                                                                                                       |
|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---|---------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <b>EBP:</b> Cadangan Belanjawan Eksekutif<br><b>EB:</b> Enakmen Perbekalan<br><b>YER:</b> Laporan Akhir Tahun<br><b>AR:</b> Laporan Audit | X | Dokumen tidak boleh diakses oleh orang awam | Nota: Dokumen hendaklah boleh diakses secara dalam talian mengikut garis masa yang ditetapkan dalam metodologi MyOBI. |
|                                                                                                                                           | ✓ | Dokumen boleh diakses oleh orang awam       |                                                                                                                       |

Empat negeri iaitu **Terengganu, Selangor, Perak** dan **Negeri Sembilan** yang mencapai “Tahap Dedahan Tinggi” menyediakan maklumat yang relatif menyeluruh tentang anggaran hasil negeri berserta unjuran perbelanjaan kepada orang awam. Terengganu, Selangor, dan Negeri Sembilan pula menyediakan pecahan perbelanjaan pembangunan mengikut pengelasan fungsi. Bahkan, Terengganu menyediakan maklumat perbelanjaan negeri dengan amat terperinci sehinggalah kepada peruntukan di peringkat program negeri. Kesemua empat buah negeri ini turut menerbitkan anggaran hasil negeri yang terperinci dalam dokumen *Anggaran Hasil dan Perbelanjaan* negeri masing-masing, lazimnya dikenali sebagai *Buku Belanjawan*. Tambahan pula, Terengganu ialah satu-satunya negeri yang berjaya menerbitkan dokumen Enakmen Perbekalan bagi tahun 2026 dalam tempoh masa penilaian MyOBI.

Namun, “Tahap Dedahan Tinggi” tidak sewajarnya ditafsirkan sebagai ketelusan mutlak. Hakikatnya, tiada satu negeri pun yang menerbitkan semua dokumen yang dinilai oleh MyOBI. Malah, semua negeri juga tidak menerbitkan RUU Perbekalan yang dibahaskan oleh para ADUN untuk bacaan orang awam.

**Johor, Melaka, Sarawak** dan **Pulau Pinang** yang mencapai “Tahap Dedahan Minimum” menyediakan akses kepada beberapa dokumen penting belanjawan, masing-masing dalam julat dan perincian dokumen yang berbeza. Johor, Melaka, dan Sarawak menerbitkan Ucapan Belanjawan berserta *Anggaran Hasil dan Perbelanjaan* secara terperinci. Sebaliknya, Pulau Pinang hanya menerbitkan Ucapan Belanjawan tetapi tidak disertakan dengan Anggaran Belanjawan tersebut. Ucapan Belanjawan sememangnya menggariskan rangka utama bagi dasar dan program kerajaan, tetapi ia tidak memperincikan maklumat tentang hasil serta perbelanjaan negeri. Maklumat tersebut diperlukan jika analisis yang bermakna mahu dilakukan terhadap kewangan negeri. Empat negeri ini turut menunjukkan prestasi yang tidak konsisten merentasi peringkat berbeza dalam kitaran belanjawan. Beberapa negeri seperti **Johor** dan **Melaka** menyediakan maklumat yang relatif terperinci sebelum belanjawan tersebut diluluskan. Namun, mereka menyediakan maklumat yang amat sedikit tentang pelaksanaan setelah belanjawan diluluskan. Negeri lain seperti **Pulau Pinang** pula menerbitkan maklumat kewangan pada akhir tahun, tetapi menyediakan maklumat yang amat terhad sewaktu perangkaan belanjawan.

**Pahang, Sabah, Perlis, Kedah** dan **Kelantan** menerbitkan sejumlah kecil dokumen utama belanjawan masing-masing kepada orang awam dalam tempoh masa penilaian. Kedah dan Perlis tidak menerbitkan apa-apa dokumen Cadangan Belanjawan Eksekutif. Kelantan telah memuat naik dokumen *Anggaran Hasil dan Perbelanjaan* ke laman web rasmi kerajaan negeri, tetapi aksesnya disekat dengan kata laluan. Pahang pula menerbitkan Ucapan Belanjawan berserta Anggaran Belanjawan, tetapi dokumen Anggaran Belanjawan itu hanya dimuat naik menjelang akhir tahun belanjawan dan bukannya dalam tempoh orang awam dan para ADUN dapat meneliti belanjawan yang diusulkan itu secara bermakna.

Umumnya, negeri yang diletakkan di bawah kategori “Tahap Dedahan Tidak Memuaskan” mencatatkan prestasi tercorot bagi komponen Cadangan Belanjawan Eksekutif dan Laporan Akhir Tahun. Hal ini menunjukkan ketiadaan maklumat mencukupi yang dapat diakses oleh orang awam, sama ada sebelum belanjawan diluluskan mahupun selepas dana awam dibelanjakan.

## Cadangan Belanjawan Eksekutif

Lajur kedua dalam Jadual 4 menunjukkan bahawa dokumen Cadangan Belanjawan Eksekutif boleh diakses secara meluas. Sekurang-kurangnya sepuluh daripada tiga belas buah negeri

membuka akses kepada orang awam untuk membaca Ucapan Belanjawan mereka. Tujuh buah negeri pula telah menyediakan *Anggaran Hasil dan Perbelanjaan* negeri secara terperinci. Pun begitu, tidak ada satu negeri pun yang menerbitkan dokumen terperinci RUU Perbekalan yang dibahaskan di DUN. Semua negeri kecuali Sabah menerbitkan dokumen versi ringkas “Belanjawan Rakyat”, sama ada dalam bentuk dokumen lengkap atau infografik yang dimuat naik ke akaun media sosial rasmi kerajaan negeri, DUN, atau Menteri Besar/Ketua Menteri/Premier.

Kebolehcapaian dokumen Cadangan Belanjawan Eksekutif yang terdapat dalam sumber rasmi dalam talian adalah boleh dikatakan terbit tepat pada masanya. Enam buah negeri telah menerbitkan sekurang-kurangnya satu dokumen Cadangan Belanjawan Eksekutif menjelang akhir bulan November manakala empat buah negeri lain menerbitkan dokumen tersebut menjelang akhir bulan Disember (Jadual 5). Namun, tiga buah negeri tidak memberikan akses kepada mana-mana dokumen Cadangan Belanjawan Eksekutif bagi orang awam. Dua buah negeri, iaitu Kedah dan Perlis, tidak menerbitkan mana-mana dokumen Cadangan Belanjawan Eksekutif. Kelantan pula hanya menerbitkan Anggaran Hasil dan Perbelanjaan Negeri yang terperinci tetapi aksesnya disekat dengan kata laluan.

**Jadual 5: Tarikh Kebolehcapaian Dokumen Cadangan Belanjawan Eksekutif Mengikut Negeri**

| Tarikh Penerbitan                    | Negeri                                                                                                                   |
|--------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Diterbitkan sebelum 16 November 2025 | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pulau Pinang</li> <li>• Selangor</li> <li>• Terengganu</li> </ul>               |
| Diterbitkan sebelum 30 November 2025 | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Johor</li> <li>• Perak</li> <li>• Sarawak</li> </ul>                            |
| Diterbitkan sebelum 31 December 2025 | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Melaka</li> <li>• Negeri Sembilan</li> <li>• Pahang</li> <li>• Sabah</li> </ul> |
| Tidak diterbitkan                    | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kedah</li> <li>• Kelantan</li> <li>• Perlis</li> </ul>                          |

Penerbitan dokumen Cadangan Belanjawan Eksekutif adalah penting kerana ia mengandungi maklumat berkenaan dana awam berserta keutamaan perbelanjaan negeri, khususnya perincian anggaran hasil dan perbelanjaan. Pihak kerajaan negeri sewajarnya berusaha untuk memastikan dokumen tersebut dapat diakses secara percuma dan bebas secepat mungkin sebelum belanjawan negeri diluluskan, sekurang-kurangnya sehari sebelum badan eksekutif negeri membentangkannya di DUN.

## Enakmen Perbekalan

Terengganu merupakan satu-satunya negeri yang menerbitkan dokumen Enakmen Perbekalan yang telah diluluskan di DUN. Hal ini bermaksud hampir semua rakyat Malaysia tertakluk kepada pindaan belanjawan negeri tidak telus yang dilakukan selepas pembentangan serta proses anggarannya. Justeru, adalah mustahil untuk merekod dan melaporkan pindaan yang dibuat ketika perbahasan DUN atau pindaan sepihak yang dilakukan kerajaan pasca ucapan belanjawan. Dengan cara ini, pihak kerajaan negeri memiliki jalan pintu belakang terhadap proses pembuatan dasar yang tidak mungkin dipertanggungjawabkan.

Kebolehcapaian dokumen Enakmen Perbekalan masih dinilai sebagai lemah sepanjang penilaian MyOBI selama ini. Hanya Terengganu yang menerbitkan dokumen tersebut semasa dua edisi penilaian MyOBI sebelum ini, manakala Johor dan Selangor pula telah menghentikan penerbitan selepas penilaian tahun 2022 (Jadual 6).

**Jadual 6: Kebolehcapaian Dokumen Enakmen Perbekalan Mengikut Negeri**

| 2022                        | 2024       | 2026       |
|-----------------------------|------------|------------|
| Johor, Selangor, Terengganu | Terengganu | Terengganu |

Justeru, lebih banyak kerajaan negeri perlu memastikan agar kedua-dua versi terkini dan terarkib dokumen Enakmen Perbekalan tersedia dan boleh diakses secara percuma dalam laman web rasmi kerajaan negeri atau DUN. Dokumen ini merupakan belanjawan negeri yang autoritatif, maka tidak wajar sebarang maklumat belanjawan yang datang selepas Cadangan Belanjawan Eksekutif disorok daripada pengetahuan rakyat Malaysia.

## Laporan Akhir Tahun

Hanya lima negeri, iaitu Negeri Sembilan, Pulau Pinang, Selangor, Terengganu, dan Perak memberikan akses kepada dokumen Laporan Akhir Tahun. Rakyat Malaysia di negeri lain tidak mendapat maklumat terperinci tentang hasil dan perbelanjaan sebenar negeri. Tambahan pula, rakyat tidak dapat mengetahui maklumat tentang aktiviti kewangan kerajaan negeri serta tahap kesihatan kewangan bagi akaun penting kerajaan negeri seperti Kumpulan Wang Disatukan Negeri dan Kumpulan Wang Amanah Awam Negeri.

Antara semua dokumen Laporan Akhir Tahun yang diterbitkan, kesemuanya berfungsi sebagai penyata kewangan tanpa menjelaskan apa-apa hasil daripada perbelanjaan atau naratif dasar keseluruhan di sebalik keutamaan perbelanjaan serta sumber hasil negeri. Semakan terhadap dokumen Laporan Akhir Tahun hanya menunjukkan jumlah yang diperuntukkan dan jumlah perbelanjaan oleh setiap jabatan berkenaan tetapi tidak menyatakan apa-apa maklumat tentang hasil daripada perbelanjaan tersebut.

Maklum balas yang diterima daripada para pemegang taruh di pihak kerajaan negeri menggambarkan betapa beberapa buah negeri bergantung kepada dokumen Laporan Audit dan menganggap kedua-dua dokumen belanjawan ini sama dan boleh ditukar ganti, justeru tidak memberi perhatian secukupnya kepada maklumat terperinci dalam dokumen Laporan Akhir Tahun. Sebaliknya, kerajaan negeri perlu melihat Laporan Akhir Tahun sebagai satu peluang untuk menonjolkan dan melaporkan hasil yang dijana menerusi perbelanjaan utama negeri. Hal ini kerana, Laporan Akhir Tahun yang tekal dan mempunyai satu naratif dasar mampu membina keyakinan awam, sekaligus menunjukkan betapa kerajaan negeri telah benar-benar melaksanakan dasarnya sendiri sepanjang tahun belanjawan tersebut. Selain itu, ia menjadi sumber maklumat yang sistematik tentang dasar fiskal negeri yang diperlukan oleh DUN supaya ia dapat menjalankan peranan pemantauannya sendiri terhadap belanjawan negeri.

## Laporan Audit

Dokumen yang memiliki akses paling meluas ialah Laporan Ketua Audit Negara (LKAN). Ia disediakan di peringkat kerajaan persekutuan oleh Jabatan Audit Negara (JAN) serta boleh



diakses melalui laman web JAN dan Parlimen Malaysia. Setiap negeri memberikan akses kepada dokumen ini, iaitu satu hal yang menggalakkan kerana maklumat yang terkandung di dalam laporan tersebut turut menunjukkan butiran perbelanjaan dan hasil kerajaan negeri bersama-sama jumlah pelaburan dan aktiviti yang dijalankan oleh badan berkanun negeri. Malah, ia memberi penekanan terhadap isu berkaitan aktiviti dan projek yang dijalankan oleh entiti kerajaan yang berkenaan, lantas membuka ruang ketelusan dan kebertanggungjawaban yang lebih tinggi.


Namun, perlu diingat, laporan ini disediakan di peringkat persekutuan dan lazimnya tidak dapat diakses daripada laman web rasmi kerajaan negeri. Tambahan pula, hanya sedikit sahaja bukti yang menunjukkan bahawa kandungan laporan tersebut dibahaskan di DUN walaupun 10 buah negeri menerbitkan penyata Hansard DUN mereka.

## Perubahan Mengikut Masa

Dengan penambahbaikan metodologi penilaian yang signifikan antara tahun 2024 hingga 2026, perubahan mengikut masa dapat dilihat melalui dua sudut. Pertama, perbandingan terhadap skor kebolehcapaian awam mengikut negeri menggunakan metodologi tahun 2024 dapat mengenal pasti sama ada negeri telah menunjukkan peningkatan atau kemerosotan berdasarkan penandaarasan tahap dedahan. Kedua, perbandingan menggunakan metodologi tahun 2026 menetapkan penanda aras baharu terhadap tadbir urus belanjawan negeri.

Gambaran yang didapati daripada perbandingan menurut metodologi lama ialah sesuatu yang secara relatifnya positif. Sembilan daripada 13 buah negeri mencatatkan peningkatan dalam skor kebolehcapaian awam (Rajah 2). Hal ini bermaksud kebolehcapaian maklumat belanjawan telah meningkat di negeri tersebut berbanding pada tahun 2024. Malah, enam buah negeri mencatatkan peningkatan ketara melebihi 10 mata dalam kaedah penilaian lama, iaitu Pahang, Terengganu, Pulau Pinang, Negeri Sembilan, Johor, dan Melaka. Manakala Selangor, Perak, dan Sarawak hanya mencatatkan peningkatan yang sedikit sahaja.

**Rajah 2: Perubahan Skor MyOBI 2026 untuk Kebolehcapaian Awam Mengikut Metodologi**



Empat negeri, iaitu Kelantan, Sabah, Kedah, dan Perlis telah menunjukkan kemerosotan. Negeri ini mencatatkan skor terendah dalam kedua-dua metodologi lama dan baharu. Hal ini menunjukkan berlakunya kemunduran serta kelemahan berterusan dari sudut kebolehcapaian dan ketepatan masa penerbitan dokumen utama belanjawan.

Metodologi baharu ini lebih tegas terhadap sembilan negeri yang disebutkan di atas. Hanya tiga daripada sembilan buah negeri tersebut mencatatkan peningkatan sejak tahun 2024 setelah dinilai dengan soalan tambahan. Pahang, Johor, dan Terengganu telah menunjukkan peningkatan di bawah kedua-dua penanda aras lama dan baharu, khususnya Pahang yang berjaya melakukan peningkatan ketara mengikut kedua-dua skor. Hal ini menunjukkan bahawa beberapa buah negeri sememangnya melakukan penambahbaikan sebenar dalam memperkasa kebolehcapaian maklumat belanjawan. Sarawak menunjukkan skor yang tidak berubah di bawah metodologi baharu, tetapi meningkat jika kekal dengan metodologi lama. Justeru, ia masih boleh dikatakan sedang bergerak menuju ke arah yang betul. Sebaliknya, Pulau Pinang, Perak, Selangor, Negeri Sembilan, dan Melaka mencatatkan skor lebih rendah di bawah penanda aras baharu yang lebih tinggi ini berbanding pada tahun 2024. Dalam hal ini, perlu ditegaskan bahawa tahap kebolehcapaian awam terhadap maklumat belanjawan adalah lebih baik kini berbanding pada tahun 2024 di negeri-negeri tersebut. Pun begitu, penanda aras baharu ini menetapkan piawaian terkini yang penting demi penambahbaikan berterusan.

Berdasarkan data mentah yang diperoleh, skor purata kebolehcapaian awam telah merosot dalam setiap edisi MyOBI. Bermula dengan purata 53 mata dalam MyOBI 2022, ia merosot kepada 49 mata dalam MyOBI 2024 dan seterusnya 46 mata dalam MyOBI 2026. Lampiran A.2 menunjukkan pecahan skor mengikut negeri. Seajar dengan dapatan ini, sebahagian negeri mengalami penurunan skor kebolehcapaian maklumat ke tahap dedahan yang lebih rendah. Maka, negeri tersebut mempunyai ruang yang besar untuk melakukan penambahbaikan. Akan tetapi, disebabkan butiran metodologi yang dijelaskan di atas, skor purata ini mesti ditafsirkan dengan waspada. Data yang diperoleh sekurang-kurangnya antara tahun 2024 dan 2026 tidak semestinya menunjukkan penurunan tahap kebolehcapaian awam dalam pelaksanaan dasar sebenar.

### **Kotak 1: Membandingbezakan Kajian Kes Kebolehcapaian Awam**

#### **Pahang: Peningkatan ketara tetapi lebih banyak perlu dilakukan**

Pahang mencatatkan salah satu peningkatan terbesar dari sudut kebolehcapaian awam terhadap maklumat belanjawan negeri semenjak MyOBI 2024, meskipun bermula daripada skor yang rendah. Pahang bermula dengan skor tercorot dalam MyOBI 2024 dengan hanya 18 mata, tetapi meningkat secara mendadak sebanyak 25 mata jika di bawah metodologi lama. Dengan metodologi lama, ia berhasil mencapai "Tahap Dedahan Minimum". Dengan metodologi baharu pula, negeri ini meningkat sebanyak 17 mata. Peningkatan ini disebabkan penerbitan Ucapan Belanjawan bersama-sama Anggaran Belanjawan yang terperinci. Langkah sebegini adalah amat signifikan dan dialu-alukan.

Namun, kejayaan ini tidak bermaksud Pahang sudah boleh berpuas hati. Hakikatnya, Pahang kekal di dalam kelompok negeri yang berada di "Tahap Dedahan Tidak Memuaskan" dan mesti melengkapkan penerbitan dokumen dengan perincian di samping memastikan ketepatan masa penerbitan. Sebagai contoh, dokumen Anggaran Belanjawan telah diterbitkan, tetapi hanya menjelang akhir tahun belanjawan. Justeru, ianya sudah terlalu lewat untuk memastikan penelitian legislatif termaklum dan perbincangan dalam kalangan orang awam.

### Kelantan: Terlalu berahsia dan semakin merosot

Tahap kebolehcapaian awam terhadap maklumat belanjawan Kelantan adalah semakin membimbangkan. Rakyat negeri Kelantan hampir tidak mendapat apa-apa maklumat langsung tentang bagaimana dana awam digunakan. Kelantan berada di atas sedikit sahaja berbanding kelompok terbawah pada tahun 2024. Kini, ia merudum lagi sehingga ke kelompok tercorot dengan skor hanya 9 mata (daripada 100 mata). Ia mencatatkan penurunan terbesar antara semua negeri mengikut metodologi lama dan baharu.

Satu aspek yang memburukkan prestasi Kelantan ialah akses terhadap Anggaran Hasil dan Perbelanjaan Negeri yang disekat dengan kata laluan. Maklumat tersebut dimuat naik dan boleh diakses di laman web rasmi kerajaan negeri, tetapi orang awam dikehendaki menghubungi seorang pegawai Perbendaharaan negeri untuk memohon akses kata laluan tersebut. Maka, dokumen itu tidak boleh dianggap sebagai tersedia secara percuma dan bebas. Contoh ini menunjukkan bahawa beberapa reformasi dari sudut ketelusan tidak memerlukan apa-apa perubahan besar undang-undang atau institusi sebaliknya hanya menuntut komitmen untuk memastikan dokumen sedia ada adalah benar-benar terbuka serta boleh diakses secara bebas oleh orang awam.


## Pemantauan

Skor Pemantauan mengukur sejauh mana DUN mampu meneliti, membahaskan, dan memantau belanjawan negeri sepanjang kitaran belanjawan. Penilaian di bahagian ini meliputi ketepatan masa pembentangan dan kelulusan belanjawan, kebolehcapaian maklumat legislatif seperti penyata Hansard, maklumat jawatankuasa, soalan yang ditanya oleh para ADUN, dan sama ada DUN telah menyemak dapatan dalam LKAN. Pemantauan legislatif yang mantap merupakan tonggak kepada tadbir urus fiskal yang baik. Ia membantu memastikan perbelanjaan dana awam dipantau dengan bermakna. Pada masa yang sama, pihak kerajaan dapat dipertanggungjawabkan ke atas cara mereka menggunakan sumber awam.

### Skor Indeks 2026

Dapatan MyOBI 2026 menunjukkan dua peringkat dalam skor pemantauan badan legislatif negeri. Terdapat lima negeri yang mencapai skor yang secara relatifnya tinggi, iaitu **Selangor**, **Pulau Pinang** dan **Terengganu** dan diekori rapat oleh **Johor** dan **Perak** (Rajah 3). Negeri yang berjaya menonjolkan prestasi tinggi menerbitkan maklumat penting berkaitan peranan DUN secara tekal. Maklumat itu termasuklah penyata Hansard yang terkini serta yang terarkib, maklumat tentang jawatankuasa pilihan, serta soalan lisan dan bertulis yang dikemukakan oleh para ADUN. Tambahan pula, negeri tersebut mencatatkan prestasi cemerlang dari sudut ketepatan masa proses belanjawan berjalan. Hal ini penting supaya belanjawan dapat dibentangkan dan diluluskan seawal mungkin supaya proses penelitian dan perbahasan legislatif yang bermakna dapat dijalankan sebelum bermulanya tahun kewangan.

Rajah 3: Skor Pemantauan Mengikut Negeri, 2026



Nota: Skor purata bagi semua negeri ditunjukkan dengan **garisan biru (50)**

Di kedudukan terbawah, **Melaka, Kelantan** dan **Sarawak** mencatatkan skor Pemantauan yang terendah. Negeri ini menyediakan maklumat tentang aktiviti DUN yang boleh diakses oleh orang awam secara amat terbatas. Maklumat tersebut termasuklah yang berkait jawatankuasa pilihan, penyata Hansard, dan soalan legislatif. Dalam kes tertentu pula, dokumen dan rekod penting badan legislatif adalah sama ada tidak wujud atau sukar diakses. Hal ini mengakibatkan kesukaran di pihak para ADUN, penyelidik, organisasi masyarakat sivil, dan orang awam untuk memahami pelaksanaan semak dan imbang terhadap badan eksekutif atau isu yang dibangkitkan oleh para ADUN telah diambil tindakan ataupun tidak.

### Pendedahan Maklumat Penting Berkaitan Pemantauan

Pendedahan maklumat penting merupakan usaha yang diperlukan supaya para ADUN dapat meneliti serta membahaskan dasar fiskal negeri. Walaupun begitu, usaha ini tidak dijalankan dengan sekata merentas semua DUN di seluruh Malaysia (Jadual 7). Maklumat ini merupakan batu asas kepada urus tadbir demokratik, sehinggakan jika tahap pendedahan kurang daripada 100%, ia menjadi satu bentuk kegagalan proses asas bagi demokrasi.

**Jadual 7: Kebolehcapaian Awam terhadap Maklumat Penting Berkaitan Pemantauan**

| Negeri          | Keanggotaan Jawatankuasa Pilihan |         | Penyata Rasmi (Hansard) |       | Soalan Lisan dan Bertulis | Jumlah mengikut negeri |
|-----------------|----------------------------------|---------|-------------------------|-------|---------------------------|------------------------|
|                 | JK Kira-kira Wang Negeri (PAC)   | JK Lain | Terkini                 | Arkib |                           |                        |
| Johor           | ✓                                | ✓       | ✓                       | ✓     | ✓                         | 5/5                    |
| Kedah           | ✓                                | ✓       | X                       | X     | X                         | 2/5                    |
| Kelantan        | X                                | X       | ✓                       | ✓     | ✓                         | 3/5                    |
| Melaka          | X                                | X       | X                       | X     | X                         | 0/5                    |
| Negeri Sembilan | X                                | X       | ✓                       | ✓     | X                         | 2/5                    |
| Pahang          | X                                | X       | ✓                       | ✓     | ~                         | 2.5/5                  |
| Perak           | ✓                                | ✓       | ✓                       | ✓     | ✓                         | 5/5                    |
| Perlis          | ~                                | X       | ✓                       | ✓     | ~                         | 3/5                    |
| Pulau Pinang    | ✓                                | ✓       | ✓                       | X     | ✓                         | 4/5                    |
| Sabah           | ~                                | X       | ✓                       | X     | X                         | 1.5/5                  |
| Sarawak         | X                                | X       | ✓                       | X     | X                         | 1/5                    |
| Selangor        | ✓                                | ✓       | ✓                       | ✓     | ✓                         | 5/5                    |
| Terengganu      | ✓                                | ✓       | ✓                       | ✓     | ✓                         | 5/5                    |
| Total           | 7/13                             | 6/13    | 11/13                   | 8/13  | 7/13                      |                        |

| X                                            | ~                                                                          | ✓                                       |
|----------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------|
| Maklumat tidak boleh diakses oleh orang awam | Maklumat sama ada dapat diakses sebahagian sahaja atau tidak dikemas kini. | Maklumat boleh diakses oleh orang awam. |

Penerbitan penyata Hansard terkini merupakan kategori yang menunjukkan pencapaian terbaik. Sebanyak 11 buah negeri memberikan akses penyata Hansard kepada orang awam, manakala lapan buah negeri turut menyediakan akses kepada Hansard terarkib. Usaha ini adalah amat memberangsangkan kerana penyata Hansard merupakan rekod rasmi bagi prosiding legislatif. Ia juga dapat menjadikan orang awam memahami bagaimana para ADUN membahaskan dasar kerajaan serta meneliti belanjawan negeri.

Meskipun begitu, ketelusan berkaitan jawatankuasa DUN kekal berada di tahap yang lemah. Hanya tujuh buah negeri menerbitkan maklumat tentang keanggotaan PAC, manakala hanya enam buah negeri menerbitkan maklumat tentang jawatankuasa pilihan yang lain. Jawatankuasa ini memainkan peranan penting dalam memantau perbelanjaan dana awam, menyemak dapatan audit, dan menjalankan penelitian terperinci terhadap aktiviti kerajaan. Maka, penerbitan maklumat yang terbatas akan menurunkan kadar keterlihatan maklumat tentang salah satu fungsi pemantauan terpenting badan legislatif kepada orang awam.

Soalan lisan dan bertulis yang dikemukakan oleh para ADUN boleh diakses oleh orang awam di tujuh buah negeri. Soalan ini memberi gambaran yang jelas tentang bagaimana anggota badan legislatif mempertanggungjawabkan badan eksekutif dengan cara membangkitkan isu berkaitan dasar, perbelanjaan, dan penyampaian khidmat kerajaan. Namun, apabila maklumat ini tidak diterbitkan di hampir separuh daripada semua negeri, orang awam berdepan dengan lebih banyak kesukaran untuk mengakses dan menilai keberkesanan proses penelitian legislatif.


Melaka ialah satu-satunya negeri yang tidak memberikan akses langsung terhadap kelima-lima maklumat penting di atas kepada para ADUN. Sabah dan Sarawak melengkapkan kedudukan tiga tercorot apabila hanya penyata Hansard terkini yang boleh diakses.

### **Ketepatan Masa dan Kedalaman Perbahasan Belanjawan**

Kerajaan negeri telah menambah baik ketepatan masa mereka membentangkan belanjawan, sejajar dengan setiap edisi MyOBI. Amalan terbaik IBP yang terkini menggariskan bahawa pihak kerajaan mestilah membentangkan belanjawan dan memastikan dokumen Cadangan Belanjawan Eksekutif boleh diakses oleh orang awam sekurang-kurangnya tiga bulan sebelum bermulanya Tahun Belanjawan yang seterusnya. Hal ini bagi memastikan anggota badan legislatif mempunyai masa mencukupi untuk menyemak serta meneliti cadangan belanjawan, lalu meluluskan belanjawan tersebut sekurang-kurangnya sebulan sebelum Tahun Belanjawan bermula. Dengan cara ini, badan eksekutif turut mempunyai masa yang cukup untuk melaksanakan program dan dasar baharu yang dicadangkan dalam belanjawan mereka (International Budget Partnership, 2025). Bagi menyesuaikan dengan konteks Malaysia, tempoh masanya telah diselaraskan selama dua minggu kerana kerajaan negeri menunggu pembentangan belanjawan di peringkat Persekutuan terlebih dahulu (lazimnya dibentangkan pada pertengahan bulan Oktober) sebelum membentangkan belanjawan negeri masing-masing. Perkara ini penting kerana sistem federalisme fiskal Malaysia yang amat berpusat. Kesannya, kerajaan negeri terpaksa bergantung kepada kerajaan persekutuan dalam peruntukan projek dan geran, yang kedua-duanya mencakupi sebahagian besar daripada hasil kerajaan negeri. Disebabkan Tahun Belanjawan Malaysia bermula pada tanggal 1 Januari, sasaran masa pembentangan belanjawan adalah sebelum pertengahan bulan November. Tarikh pembentangan paling lewat pula ialah penghujung bulan Disember, yang akan menyebabkan tiada langsung masa boleh diperuntukkan untuk tujuan pemantauan belanjawan yang berkesan.


Bilangan kerajaan negeri yang membentangkan belanjawan masing-masing sebelum minggu kedua bulan November meningkat kepada tujuh pada Tahun Belanjawan 2026. Perkara ini lebih baik jika dibandingkan dengan hanya satu negeri pada Tahun Belanjawan 2024, dan dua negeri pada Tahun Belanjawan 2022 (Rajah 4). Kebanyakan kerajaan negeri membentangkan Belanjawan Negeri Tahun 2026 masing-masing lebih awal atau pada minggu yang sama berbanding tahun 2024. Satu pengecualian ialah Melaka kerana telah membentangkan Belanjawan Negeri Tahun 2026 pada minggu pertama bulan Disember berbanding minggu terakhir bulan November untuk belanjawan tahun 2024.



**Rajah 4: Ketepatan Masa Pembentangan Belanjawan Negeri**


Perbincangan berkenaan belanjawan negeri turut berlaku dengan lebih rancak. Kebanyakan negeri meluluskan belanjawan masing-masing menjelang minggu kedua bulan Disember (Rajah 5). Kelantan, Kedah, Terengganu, Pulau Pinang, dan Johor meluluskan belanjawan negeri mereka menjelang minggu kedua bulan November. Pengecualian kepada trend ini ialah Sabah dan Perlis. DUN Sabah meluluskan belanjawan negeri pada awal minggu ketiga bulan Disember. Seterusnya, kerajaan negeri Perlis pula terpaksa berdepan dengan krisis politik kerana Menteri Besarnya kehilangan kepercayaan para ADUN pada penghujung bulan Disember 2025. Akibatnya, sesi perbincangan belanjawan yang masih belum selesai itu ditangguhkan. Melaka juga mendapat perhatian kerana telah meluluskan belanjawannya pada minggu kedua bulan Disember, lebih lewat berbanding kebanyakan negeri lain. Hal ini menyebabkan masa yang diperuntukkan untuk agensi kerajaan mempersiapkan pelaksanaan program berkaitan sebelum bermulanya tahun kewangan baharu menjadi lebih singkat.

Rajah 5: Ketepatan Masa Kelulusan Belanjawan



Belanjawan negeri yang lulus tepat pada masanya memberi keyakinan kepada perniagaan dan isi rumah. Akan tetapi, tempoh masa perbahasan yang tidak mencukupi boleh menjejaskan proses penelitian serta penambahbaikan kandungan belanjawan. Meluluskan belanjawan tepat pada masanya dicapai dengan terpaksa mengorbankan masa perbahasan, dengan DUN secara puratanya hanya menetapkan lima hari untuk membahaskan belanjawan masing-masing. Perkara ini tidak berubah semenjak MyOBI 2024 lagi. Ia menunjukkan bahawa penambahbaikan dalam usaha menepati garis masa pelulusan belanjawan lebih diutamakan berbanding meningkatkan mutu dan perincian perbahasan. Setiap DUN bersidang secara purata selama 12 hari merentas tiga sesi persidangan pada tahun 2025, dan tempoh ini tidak berubah semenjak tahun 2023.

Meskipun semua DUN bersidang sebanyak tiga kali setiap tahun, jumlah hari persidangan yang diperuntukkan untuk para ADUN berbahas tentang belanjawan berbeza mengikut negeri. Selangor mempunyai jumlah hari bersidang terbanyak iaitu 18 hari, berbanding hanya lima hari di negeri Perlis dan enam hari di Negeri Sembilan. Secara purata, sidang DUN berlangsung hanya selama 12 hari setahun. Dalam tempoh itu, lima hari diperuntukkan untuk membahaskan belanjawan tahun akan datang. Di empat buah negeri, lebih daripada 45% jumlah hari persidangan DUN diperuntukkan untuk perbahasan belanjawan (Rajah 6). Peratusan tertinggi adalah di Negeri Sembilan, Pahang, dan Pulau Pinang, apabila 50% daripada jumlah hari persidangan DUN digunakan untuk membahaskan belanjawan negeri. Negeri Perlis pula dianggap tidak memperuntukkan hari bersidang demi membahaskan belanjawan berikutan krisis politik pada Disember 2025. Pada masa laporan ini ditulis, krisis tersebut belum kunjung selesai.

**Rajah 6: Peratusan Jumlah Hari Sidang DUN untuk Perbahasan Belanjawan Negeri**

Tambahan pula, PAC di kebanyakan negeri tidak menerbitkan laporan mereka secara dalam talian. Hal ini menyebabkan kesukaran di pihak orang awam untuk mengetahui sama ada pihak PAC negeri telah berkesempatan menyemak laporan audit terkini atau belum. Hanya Selangor yang menerbitkan laporan mesyuarat PAC di laman web rasmi Dewan Negeri Selangor. Pada masa yang sama, adalah sukar untuk memastikan sama ada dokumen LKAN telah dibentangkan di DUN dan sama ada saranan daripada LKAN telah diambil maklum oleh pihak DUN.


### Perubahan Mengikut Masa

Sepertimana Kebolehcapaian Awam, terdapat penambahbaikan metodologi dalam kategori Pemantauan antara tahun 2024 hingga 2026 yang turut memerlukan dua penjelasan perubahan mengikut masa. Bahagian ini membandingkan skor pemantauan mengikut negeri menggunakan metodologi 2024 untuk mengenal pasti sama ada terdapat peningkatan atau kemerosotan kepada aktiviti penanda aras merentas kedua-dua edisi penilaian. Kemudian, bahagian seterusnya pula membandingkan skor mengikut metodologi 2026 (yang mempunyai beberapa soalan tambahan) sebagai penanda aras terkini.

Penambahbaikan metodologi bagi Pemantauan memberi kesan lebih kecil terhadap perubahan skor negeri berbanding Kebolehdapatan Awam walaupun terdapat beberapa pengecualian seperti yang akan dibincangkan di bawah. Lima negeri dengan prestasi tertinggi (Perak, Pulau Pinang, Johor, Selangor, dan Terengganu) mencatatkan peningkatan di bawah kedua-dua metodologi, manakala lima negeri yang mencatatkan penurunan ketara (Sabah, Pahang,

Melaka, Kelantan, dan Sarawak) menunjukkan kemerosotan di bawah kedua-dua metodologi (Rajah 7). Justeru, meskipun ada penambahan lapar soalan yang dinilai di bawah Pemantauan, penambahan tersebut memberi kesan yang kecil terhadap prestasi relatif di kebanyakan negeri. Negeri yang berprestasi baik dalam penerbitan dokumen serta maklumat berkaitan DUN dalam MyOBI 2024 cenderung untuk mendedahkan lebih banyak maklumat tentang proses pemantauan. Maklumat sedemikian termasuklah penerbitan kedua-dua penyata Hansard terkini dan terarkib, soalan lisan dan bertulis yang dikemukakan oleh para ADUN di DUN, serta maklumat berkaitan jawatankuasa tetap yang dikehendaki melalui soalan dalam MyOBI 2026.

**Rajah 7: Perubahan dalam Skor MyOBI 2026 bagi Pemantauan Mengikut Metodologi**



Perbezaan terbesar adalah antara Negeri Sembilan dan Kedah dengan lima negeri berprestasi tinggi khususnya Johor, Selangor, dan Terengganu. Negeri Sembilan dan Kedah mencatatkan peningkatan skor yang ketara, iaitu masing-masing sebanyak 16 dan 18 mata mengikut metodologi lama. Namun, skor mereka boleh dikatakan tidak berubah jika mengikut metodologi baharu (masing-masing mencatatkan kenaikan sebanyak satu mata dan penurunan sebanyak dua mata). Jadi, mutu pemantauan legislatif di dua negeri tersebut telah meningkat dengan ketara semenjak tahun 2024 berikutan kebolehcapaian maklumat asas tentang kapasiti pemantauan di DUN yang telah ditambah baik. Kendatipun begitu, mereka tidak begitu cemerlang jika dinilai berdasarkan piawaian metodologi baharu yang lebih ketat. Johor, Selangor, dan Terengganu sebenarnya mencatatkan peningkatan lebih kecil jika menggunakan metodologi lama berbanding Negeri Sembilan dan Kedah, tetapi menunjukkan peningkatan lebih besar mengikut metodologi baharu.

Perak pula wajar dipuji kerana mereka telah berjaya melakukan lonjakan besar di bawah kedua-dua metodologi (huraian lanjut di Kotak 2). Negeri ini telah bangkit daripada antara negeri

tercorot dari sudut pemantauan sehingga menjadi salah satu daripada negeri cemerlang. Perak mencatatkan peningkatan masing-masing sebanyak 34 dan 47 mata mengikut metodologi lama dan baharu. Kejayaan ini menunjukkan betapa peningkatan yang ketara mampu dilakukan oleh negeri yang komited dengan reformasi tadbir urus fiskal mereka.

Berdasarkan data mentah, skor purata bagi pemantauan telah jatuh sedikit daripada 50.8 mata dalam MyOBI 2024 kepada 49 mata dalam MyOBI 2026, tetapi masih lebih tinggi daripada purata 34.5 mata dalam MyOBI 2022. (Lampiran A.3 menunjukkan pecahan mengikut negeri bagi tempoh 2022-2026; Lampiran A.5 pula menunjukkan perbandingan 2026 yang diselaraskan mengikut metodologi). Pun begitu, skor purata tersebut hendaklah ditafsir dengan sikap waspada. Menurut perincian metodologi yang telah digariskan di atas, sekurang-kurangnya ada beberapa negeri yang berubah skor serta ranking relatif mereka berikutan perubahan metodologi.

## Kotak 2: Perbandingan antara Dua Kajian Kes Pemantauan

### Selangor: Prestasi Tekal Merentas Aneka Dimensi

Selangor terus menonjol sebagai salah satu daripada negeri dengan kerangka pemantauan legislatif yang paling mapan antara semua negeri di Malaysia. Selain menjadi salah satu negeri dengan skor keseluruhan tertinggi, Selangor menerbitkan set lengkap maklumat legislatif yang dinilai MyOBI. Maklumat itu termasuklah keanggotaan jawatankuasa, kedua-dua penyata Hansard terkini dan terarkib, serta soalan lisan dan bertulis yang dikemukakan oleh para ADUN. Negeri ini turut cemerlang dari sudut pembentangan dan kelulusan belanjawan tepat pada masanya. Hal ini memungkinkan para ADUN mempunyai ruang masa yang mencukupi untuk meneliti dan membahaskan butiran cadangan perbelanjaan negeri sebelum bermulanya tahun kewangan berkenaan.

Selain itu, Selangor turut mencatatkan jumlah hari DUN bersidang tertinggi antara semua negeri sekaligus memastikan ruang yang mencukupi untuk perbahasan legislatif, soal jawab terhadap badan eksekutif, dan penelitian terhadap dasar kerajaan. Dewan Negeri Selangor juga telah diiktiraf sebagai salah sebuah badan legislatif dengan institusi termaju, bahkan sistem jawatankuasa pilihannya juga telah mantap. Jawatankuasa tersebut termasuklah Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Keupayaan, Kebertanggungjawaban, dan Ketelusan Selangor (SELCAT). SELCAT menjalankan siasatan awam berkenaan isu melibatkan kepentingan awam demi memperkasa pemantauan legislatif melangkaui proses belanjawan tahunan semata-mata.

Walaupun begitu, masih ada ruang penambahbaikan untuk Selangor. Walaupun negeri ini telah menerbitkan maklumat legislatif yang lengkap, namun laporan PAC dan penerbitan sistematik dapatan jawatankuasa masih boleh diperkukuh untuk menunjukkan bagaimana penelitian legislatif dapat diterjemah menjadi penambahbaikan dalam aspek pentadbiran awam serta kebertanggungjawaban kewangan. Jika Selangor meneruskan usaha mereka memperkasa mekanisme pemantauan tersebut, ia akan mengukuhkan lagi kedudukan mereka sebagai contoh teladan bagi aspek tadbir urus negeri yang telus dan bertanggungjawab.

### **Perak: Peningkatan Pesat dalam Aspek Pemantauan Legislatif**

Perak mencatatkan peningkatan paling besar dalam skor Pemantauan semenjak MyOBI 2024, daripada negeri tercorot menjadi salah sebuah negeri dengan prestasi terunggul dalam MyOBI 2026. Pencapaian ini adalah disebabkan usaha reformasi untuk meningkatkan tahap ketelusan membabitkan peranan DUN, termasuklah penerbitan maklumat tentang keanggotaan jawatankuasa, penyata Hansard terkini dan terarkib, serta soalan lisan dan bertulis yang diajukan oleh para ADUN. Perak turut menambah baik ketepatan masa bagi proses belanjawannya, sekali gus membuka ruang lebih luas untuk berlakunya penelitian legislatif sebelum bermulanya tahun kewangan seterusnya.

Selain itu, Perak terus memperkasa kapasiti dan ketelusan institusi DUN. Laman web rasmi DUN Perak kini menyediakan akses kepada lebih banyak maklumat terperinci tentang aktiviti jawatankuasa, prosiding legislatif, dan peranan DUN berbanding ketika penilaian MyOBI sebelumnya. Seterusnya, Peraturan Majlis Meyuarat DUN Perak memberi kuasa kepada jawatankuasa pilihan untuk memanggil saksi, meminta dokumen, dan melaporkan dapatan mereka kepada sidang DUN. Penerbitan laporan jawatankuasa bersama-sama dokumen legislatif yang lain telah berhasil meningkatkan keterlihatan proses pemantauan DUN kepada orang awam. Usaha ini menunjukkan bahawa ketelusan badan legislatif sebenarnya melangkaui perbincangan belanjawan tahunan semata-mata.

Kejayaan Perak menunjukkan bahawa penambahbaikan yang bermakna dalam aspek pemantauan legislatif tidak semestinya menuntut kepada reformasi besar-besaran dari sudut perlembagaan atau institusi. Sebaliknya, ia boleh dicapai melalui ketelusan yang lebih tinggi, prosedur legislatif yang lebih kukuh, dan ketekalan penerbitan maklumat yang telah sedia wujud di dalam DUN. Pengalaman Perak boleh dijadikan contoh praktikal untuk negeri lain yang mahu memperkasa kebertanggungjawaban belanjawan menerusi penambahbaikan pentadbiran serta prosedur yang mampu dicapai.

## **Penglibatan Awam**

Penglibatan Awam mengukur kemampuan orang awam dan organisasi masyarakat sivil untuk mengambil bahagian secara bermakna dalam proses belanjawan negeri. Ia juga mengukur sejauh manakah mereka diberikan akses kepada maklumat tentang belanjawan negeri oleh pihak kerajaan negeri atau DUN. Ruang ini boleh disediakan menerusi borang maklum balas dalam talian, forum awam, dan sesi pendengaran awam yang diselenggarakan oleh jawatankuasa legislatif berkaitan. Penglibatan awam yang lebih mendalam dapat dilakukan melalui aktiviti perangkaan belanjawan melibatkan penyertaan awam. Dengan cara ini, rakyat serta organisasi masyarakat sivil boleh menyerahkan cadangan tentang apa-apa projek atau perbelanjaan, lalu semua cadangan tersebut dikumpul dan dipertimbangkan secara sistematik oleh pihak kerajaan. Soal selidik MyOBI sedia ada (tanpa memberikan mata nilai) menilai sama ada wujudnya bentuk penglibatan awam yang asas melalui saluran maklum balas atau perjumpaan libat urus rasmi.

Jika kriteria Penglibatan Awam ini diberikan mata nilai, pasti semua negeri akan menunjukkan tahap yang tidak memuaskan. Hanya sedikit sahaja negeri yang menjalankan inisiatif supaya adanya penglibatan orang awam serta organisasi masyarakat sivil yang bermakna, sama ada di peringkat perangkaan atau penilaian belanjawan negeri (Jadual 8). Semua negeri tidak mempunyai mekanisme maklum balas orang awam sepanjang proses belanjawan berlangsung, walaupun terdapat beberapa pengecualian. Kerajaan negeri pula cenderung mencampuradukkan

penglibatan awam dengan program komunikasi awam. Mereka telah lazim mempunyai komunikasi memadai dalam usaha memberi penerangan tentang prosiding belanjawan melalui media sosial rasmi kerajaan negeri seperti Facebook, YouTube, Instagram, dan X. Setiap negeri juga menyiarkan siaran langsung pembentangan belanjawan negeri berserta perbincangan, maka hanya menawarkan sekelumit ketelusan dan penelitian awam. Namun, kewujudan ruang menonton prosiding belanjawan tidak sekali-kali boleh menggantikan penglibatan awam yang aktif, langsung, dan termaklum. Rakyat mesti terlibat aktif dalam proses ini, bukan sekadar penonton.

**Jadual 8: Mekanisme Penglibatan Awam semasa Proses Belanjawan**

| Negeri          | Penglibatan Awam<br>- Perangkaan<br>Belanjawan (DUN) | Penglibatan Awam<br>- Pelaksanaan<br>Belanjawan (DUN) | Penglibatan Awam<br>- Perangkaan<br>Belanjawan<br>(Badan Eksekutif<br>Negeri) | Penglibatan Awam<br>- Pelaksanaan<br>Belanjawan<br>(Badan Eksekutif<br>Negeri) |
|-----------------|------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------|
| Johor           | X                                                    | X                                                     | X                                                                             | X                                                                              |
| Kedah           | X                                                    | X                                                     | X                                                                             | X                                                                              |
| Kelantan        | X                                                    | X                                                     | X                                                                             | X                                                                              |
| Melaka          | ✓                                                    | X                                                     | X                                                                             | X                                                                              |
| Negeri Sembilan | X                                                    | X                                                     | ✓                                                                             | ✓                                                                              |
| Pahang          | X                                                    | X                                                     | ✓                                                                             | ✓                                                                              |
| Perak           | X                                                    | X                                                     | X                                                                             | X                                                                              |
| Perlis          | X                                                    | X                                                     | X                                                                             | X                                                                              |
| Pulau Pinang    | X                                                    | X                                                     | X                                                                             | X                                                                              |
| Sabah           | X                                                    | X                                                     | X                                                                             | X                                                                              |
| Sarawak         | X                                                    | X                                                     | X                                                                             | X                                                                              |
| Selangor        | X                                                    | X                                                     | ✓                                                                             | X                                                                              |
| Terengganu      | ✓                                                    | X                                                     | ✓                                                                             | X                                                                              |



## 5 Saranan

Bahagian ini menggariskan beberapa saranan untuk meningkatkan tahap kebolehcapaian awam, pemantauan, dan penglibatan awam berpandukan dapatan penilaian MyOBI terkini:

### Saranan untuk Menambah Baik Kebolehcapaian Awam

#### Memastikan dokumen Cadangan Belanjawan Eksekutif boleh diakses tepat pada masanya, khususnya Anggaran Belanjawan

Pihak kerajaan negeri yang masih belum membuka akses dalam talian kepada dokumen Cadangan Belanjawan Eksekutif secara percuma dan bebas hendaklah melakukan hal sedemikian sebagai salah satu keutamaan. Satu aspek yang mesti ditambah baik oleh pihak kerajaan negeri adalah menjadikan anggaran hasil serta perbelanjaan negeri, yang lazimnya dikenali sebagai "Buku Belanjawan" dapat diakses oleh orang awam secara dalam talian. Dokumen ini merupakan komponen terpenting bagi Cadangan Belanjawan Eksekutif kerana penerbitannya membolehkan orang awam lebih memahami butiran hasil serta perbelanjaan negeri, di samping keutamaan perbelanjaan kerajaan.

Bukan itu sahaja, maklumat yang diterbitkan pula hendaklah menyertakan pecahan terperinci bagi Perbelanjaan Pembangunan mengikut pengelasan fungsi masing-masing. Hal ini membolehkan orang awam menilai inisiatif pembangunan yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan negeri dengan lebih berkesan. Negeri yang sedang melaksanakan amalan baik dalam aspek ini termasuklah Selangor, Terengganu, dan Negeri Sembilan. Sebagai contoh, dokumen Anggaran Belanjawan Terengganu menjelaskan pecahan perbelanjaan secara terperinci sehingga ke peringkat program kerajaan. Kejituan maklumat sebegini boleh dicontohi oleh negeri lain.

#### Menerbitkan arkib dokumen Cadangan Belanjawan Eksekutif

Pihak kerajaan negeri perlu menyediakan arkib dokumen Cadangan Belanjawan Eksekutif yang menyeluruh lagi lengkap dari tahun-tahun sebelumnya. Selain menerbitkan dokumen Cadangan Belanjawan Eksekutif terkini, usaha memelihara rekod beberapa tahun sebelumnya membolehkan orang awam memastikan kerajaan negeri bertanggungjawab terhadap prestasi lalu dan memudahkan orang awam melakukan perbandingan yang bermakna terhadap belanjawan sejajar dengan peredaran masa. **Melaka** dan **Perak** wajar dipuji kerana mereka menerbitkan arkib dokumen Cadangan Belanjawan Eksekutif sehingga tahun 2012, meskipun arkib oleh **Selangor** adalah yang paling lengkap berbanding semua negeri lain. Prestasi Kelantan amat teruk dalam aspek ini, kerana mereka telah menyekat akses kepada dokumen penting Cadangan Belanjawan Eksekutif pada setiap tahun menggunakan kata laluan kecuali bagi tahun 2025.

#### Menambahbaik kelengkapan dan ketepatan masa kebolehcapaian Laporan Akhir Tahun dan RUU Perbekalan

Laporan Akhir Tahun dan RUU Perbekalan kekal menjadi dokumen belanjawan yang sukar diakses. Hanya lima buah negeri yang menerbitkan Laporan Akhir Tahun manakala tiada satu pun yang menerbitkan RUU Perbekalan. Jika dokumen ini tiada, kebanyakan orang awam tidak dapat membandingkan hasil dan perbelanjaan sebenar negeri dengan peruntukan belanjawan

berserta anggaran hasil negeri. Malah, orang awam juga tidak dapat memantau tahap kesihatan kewangan akaun utama negeri atau jika terdapatnya apa-apa perubahan dalam kuasa perundangan kerajaan negeri untuk mengambil atau memperuntukan mana-mana dana pada tahun kewangan akan datang.

Ketepatan masa penerbitan juga mesti ditambah baik. Kurang separuh daripada semua negeri menerbitkan Laporan Akhir Tahun mereka mengikut penanda aras garis masa.

Penambahbaikan seterusnya ialah kandungan Laporan Akhir Tahun. Kebanyakan negeri mengemukakan Laporan Akhir Tahun dalam bentuk penyata kewangan tanpa apa-apa penjelasan tentang hasil perbelanjaan atau rasional dasar yang lebih luas di sebalik semua keputusan berkaitan hasil negeri dan perbelanjaan.

Pihak kerajaan negeri seharusnya melihat Laporan Akhir Tahun sebagai satu peluang untuk melaporkan tentang hasil dasar dan mengukuhkan keyakinan orang awam dengan cara menjelaskan bagaimana komitmen belanjawan berjaya dilaksanakan sepanjang tahun belanjawan. Pada masa yang sama, dokumen RUU Perbekalan seharusnya diterbitkan secara proaktif untuk meningkatkan ketelusan legislatif dan membolehkan orang awam meneliti cadangan perbelanjaan sebelum ia diluluskan secara rasmi.

### **Menerbitkan dokumen belanjawan yang mesra rakyat**

Semua negeri kecuali Sabah menerbitkan versi belanjawan ringkas yang mesra rakyat, sama ada melalui laman web atau platform media sosial rasmi negeri. Walaupun begitu, pihak kerajaan negeri masih boleh melakukan usaha yang lebih baik untuk menyampaikan maklumat belanjawan dalam format yang jelas lagi mudah diakses. Dalam persekitaran digital yang berkembang pesat ini, penggunaan rumusan maklumat yang padat, infografik visual serta penjelasan yang mudah difahami akan meningkatkan kefahaman dan keterlibatan orang awam terhadap belanjawan negeri.

## **Saranan untuk Menambah Baik Pemantauan**

### **Memperkasa kuasa Jawatankuasa Pilihan DUN dalam memastikan kebertanggungjawaban**

Pihak kerajaan negeri perlu memperkasa peranan jawatankuasa pilihan dengan cara menambah baik akses orang awam terhadap maklumat jawatankuasa, termasuklah keanggotaan (seperti pengerusi dan anggotanya) dan juga kemas kini berkenaan aktiviti jawatankuasa yang tepat pada masanya. Hal ini perlu meliputi penerbitan minit mesyuarat, rekod kehadiran, dan hasil penting mesyuarat.

Usaha ini adalah penting khususnya dalam kes PAC. PAC yang diperkasa dengan secukupnya dapat memainkan peranan memeriksa dan meneliti secara terperinci belanjawan negeri di luar waktu rasmi sidang DUN. Pihak PAC juga dapat berperanan sebagai satu badan penting untuk menyemak dokumen LKAN, lantas memastikan bahawa saranan LKAN itu diambil tindakan sewajarnya.

## **Meluaskan kebolehcapaian terhadap soalan lisan dan bertulis**

Kini, hanya kira-kira separuh daripada semua negeri menerbitkan soalan lisan dan bertulis di DUN berserta jawapan daripada pihak kerajaan. Dokumen ini diterbitkan melalui saluran yang dapat diakses oleh orang awam seperti laman web DUN atau kerajaan negeri. Usaha menyediakan akses terhadap soalan dan jawapan di DUN akan membolehkan rakyat memahami isu penting yang dibahaskan dengan lebih baik, meneliti dasar serta komitmen kerajaan, serta memastikan kerajaan bertanggungjawab ke atas jawapan atau jaminan yang diberikan semasa prosiding. Di samping itu, usaha ini dapat memperkukuh peranan pemantauan para ADUN dengan memastikan semua perbahasan dan jawapan pihak kerajaan dapat kekal sebagai sebahagian daripada rekod awam.

## **Memperkasa proses penelitian belanjawan menerusi sidang DUN yang lebih panjang**

DUN perlu meningkatkan jumlah hari persidangan yang dikhususkan untuk membahaskan belanjawan negeri. Tempoh perbahasan yang terlalu pendek membataskan kemampuan para ADUN untuk benar-benar membahaskan dan meneliti cadangan belanjawan berserta dasar kerajaan yang berkaitan.

## **Menambah baik akses awam terhadap prosiding DUN dan dokumen legislatif**

DUN perlu memastikan supaya semua dokumen penting legislatif, khususnya penyata Hansard dan Peraturan Majlis Mesyuarat, boleh diakses dengan mudah melalui laman web rasmi. Usaha menjadikan dokumen ini boleh diakses oleh orang awam akan meningkatkan ketelusan, meningkatkan kefahaman awam terhadap proses dan prosedur legislatif, dan juga menyokong proses penelitian terhadap perbahasan, pembuatan keputusan serta kebertanggungjawaban kerajaan dengan lebih berkesan.

## **Saranan untuk Menambah Baik Penglibatan Awam**

### **Menjalankan sesi libat urus pra-belanjawan bersama orang awam**

Kerajaan negeri perlu menyediakan ruang rasmi, sebaik-baiknya melalui saluran atau portal perundingan dalam talian, untuk organisasi masyarakat sivil, komuniti setempat, kumpulan industri, wakil anak muda, dan ahli akademik untuk memberi sumbang saran tentang keutamaan dan cadangan berkaitan belanjawan negeri. Pihak kerajaan persekutuan telah pun menjalankan usaha libat urus bersama orang awam dalam proses belanjawan mereka, dan pihak kerajaan negeri harus mencontohinya dengan menyediakan mekanisme yang serupa.

Kerajaan negeri boleh bermula dengan inisiatif yang mudah. Contohnya, soal selidik atau tinjauan pendapat awam secara dalam talian boleh dijalankan sebelum dikembangkan lagi menjadi sesi perundingan yang lebih berstruktur. Kerajaan negeri yang menyatakan bahawa mereka telah pun menjalankan sesi libat urus dengan kumpulan pemegang taruh terpilih pula harus menghebahkan dengan lebih meluas dan mendokumenkan proses ini untuk meningkatkan ketelusan, keterangkuman serta keyakinan awam dalam proses belanjawan.

---

## Senarai Rujukan

International Budget Partnership. (2025, February 27). *Open Budget Survey (OBS) 2025 Questionnaire and Guidelines*. Open Budget Survey 2025. <https://internationalbudget.org/wp-content/uploads/OBS-2025-Questionnaire-and-Guidelines-English.pdf>

International Budget Partnership. (2026a, June 13). *Open Budget Survey 2025 - Country Results*. Open Budget Survey 2025. <https://internationalbudget.org/open-budget-survey/country-results/2025/malaysia>

International Budget Partnership. (2026b, March 25). *Open Budget Survey 2025 Methodology*. International Budget Partnership. <https://internationalbudget.org/wp-content/uploads/OBS-2025-Methodology.pdf>


## Lampiran

### A.1 Garis Masa Penilaian MyOBI

| Aktiviti                                                                                                                                                                                  | Tarikh                       |
|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------|
| Para penyelidik menghadiri sesi latihan kelolaan IDEAS                                                                                                                                    | November 2025                |
| Para penyelidik menilai dokumen Belanjawan Negeri dan maklumat berkaitan Pemantauan untuk melengkapkan penilaian MyOBI                                                                    | Disember 2025 - Januari 2026 |
| Permohonan bertulis dihantar kepada pihak kerajaan negeri untuk mendapatkan dokumen/maklumat yang tidak boleh diakses serta memaklumkan tentang proses penilaian yang sedang berlangsung. | Januari - Februari 2026      |
| IDEAS menyediakan maklum balas terhadap senarai soalan para penyelidik untuk memastikan ketepatan maklumat dalam soalan dan sumber                                                        | Januari - Februari 2026      |
| IDEAS memeriksa soal selidik yang telah lengkap sebelum bermulanya proses pewasitan setara ( <i>peer review</i> )                                                                         | Februari 2026                |
| Penilaian yang telah lengkap disemak oleh para pewasit setara yang bebas dan tidak berpihak                                                                                               | Februari - Mac 2026          |
| IDEAS memeriksa keputusan penilaian yang telah menjalani pewasitan setara. Jika ada dapatan yang berselisih, IDEAS berbincang semula dengan para penyelidik.                              | Mac - Mei 2026               |
| IDEAS memuktamadkan skor akhir untuk semua negeri                                                                                                                                         | Jun - Julai 2026             |


### A.2 Skor Purata Kebolehcapaian Awam Mengikut Negeri dan Tahun

| Negeri          | Kebolehcapaian Awam 2022 | Kebolehcapaian Awam 2024 | Kebolehcapaian Awam 2026 |
|-----------------|--------------------------|--------------------------|--------------------------|
| Johor           | 71                       | 53                       | 58                       |
| Kedah           | 10                       | 18                       | 9                        |
| Kelantan        | 37                       | 25                       | 9                        |
| Melaka          | 47                       | 60                       | 54                       |
| Negeri Sembilan | 78                       | 69                       | 63                       |
| Pahang          | 28                       | 18                       | 35                       |
| Perak           | 77                       | 67                       | 65                       |
| Perlis          | 48                       | 27                       | 26                       |
| Pulau Pinang    | 49                       | 45                       | 44                       |
| Sabah           | 61                       | 49                       | 35                       |
| Sarawak         | 14                       | 51                       | 51                       |
| Selangor        | 84                       | 76                       | 70                       |
| Terengganu      | 85                       | 76                       | 77                       |



### A.3 Skor Purata Pemantauan Mengikut Negeri dan Tahun

| Negeri          | Pemantauan 2022 | Pemantauan 2024 | Pemantauan 2026 |
|-----------------|-----------------|-----------------|-----------------|
| Selangor        | 47              | 67              | 82              |
| Pulau Pinang    | 34              | 53              | 80              |
| Terengganu      | 53              | 67              | 79              |
| Johor           | 47              | 60              | 77              |
| Perak           | 27              | 27              | 74              |
| Sabah           | 40              | 67              | 46              |
| Negeri Sembilan | 40              | 40              | 41              |
| Kedah           | 40              | 40              | 38              |
| Pahang          | 33              | 60              | 37              |
| Perlis          | 33              | 27              | 27              |
| Sarawak         | 0               | 60              | 23              |
| Kelantan        | 27              | 53              | 19              |
| Melaka          | 27              | 40              | 15              |



#### A.4 Perbezaan Skor Kebolehcapaian Awam Mengikut Metodologi

| Negeri          | 2024 (Skor Sebenar) | 2026 (Skor Sebenar) | 2026 (Metodologi 2024) | Δ metodologi lama | Δ metodologi baharu |
|-----------------|---------------------|---------------------|------------------------|-------------------|---------------------|
| Pahang          | 18                  | 35                  | 43                     | 25                | 17                  |
| Johor           | 53                  | 58                  | 64                     | 11                | 5                   |
| Terengganu      | 76                  | 77                  | 91                     | 15                | 1                   |
| Sarawak         | 51                  | 51                  | 55                     | 4                 | 0                   |
| Pulau Pinang    | 45                  | 44                  | 57                     | 12                | -1                  |
| Perlis          | 27                  | 26                  | 24                     | -3                | -1                  |
| Perak           | 67                  | 65                  | 72                     | 5                 | -2                  |
| Selangor        | 76                  | 70                  | 81                     | 5                 | -6                  |
| Negeri Sembilan | 69                  | 63                  | 83                     | 14                | -6                  |
| Melaka          | 60                  | 54                  | 72                     | 12                | -6                  |
| Kedah           | 18                  | 9                   | 12                     | -6                | -9                  |
| Sabah           | 49                  | 35                  | 43                     | -6                | -14                 |
| Kelantan        | 25                  | 9                   | 12                     | -13               | -16                 |



## A.5 Perbezaan Skor Pemantauan Mengikut Metodologi

| Negeri          | 2024 (Skor<br>sebenar) | 2026 (Skor<br>sebenar) | 2026<br>(Metodologi<br>2024) | Δ<br>metodologi<br>lama | Δ metodologi<br>baharu |
|-----------------|------------------------|------------------------|------------------------------|-------------------------|------------------------|
| Perak           | 27                     | 74                     | 61                           | 34                      | 47                     |
| Pulau Pinang    | 53                     | 80                     | 75                           | 22                      | 27                     |
| Terengganu      | 67                     | 79                     | 72                           | 5                       | 12                     |
| Johor           | 60                     | 77                     | 67                           | 7                       | 17                     |
| Selangor        | 67                     | 82                     | 78                           | 11                      | 15                     |
| Negeri Sembilan | 40                     | 41                     | 56                           | 16                      | 1                      |
| Perlis          | 27                     | 27                     | 19                           | -8                      | 0                      |
| Kedah           | 40                     | 38                     | 58                           | 18                      | -2                     |
| Sabah           | 67                     | 46                     | 50                           | -17                     | -21                    |
| Pahang          | 60                     | 37                     | 39                           | -21                     | -23                    |
| Melaka          | 40                     | 15                     | 25                           | -15                     | -25                    |
| Kelantan        | 53                     | 19                     | 33                           | -20                     | -34                    |
| Sarawak         | 60                     | 23                     | 36                           | -24                     | -37                    |

## This image shows a full page of blank, lined paper. It features approximately 20 evenly spaced horizontal grey lines across its entire width, providing a guide for handwriting or typing. The paper itself is a clean, off-white color.



Institut Demokrasi dan Hal Ehwal Ekonomi (IDEAS) merupakan sebuah badan pemikir bebas di Malaysia yang fokus dalam mempromosikan penyelesaian terhadap cabaran dasar awam. Hasil kerja IDEAS adalah bebas daripada kepentingan peribadi dan pengaruh mana-mana pihak. Visi IDEAS adalah:

**“Malaysia yang menjunjung prinsip kebebasan dan keadilan”**

**IDEAS mencapai matlamat ini dengan cara:**

- Menerbitkan kajian dengan dapatan terkini.
- Menggerakkan dialog dengan kerajaan, penggubal undang-undang, perniagaan dan masyarakat sivil.
  - Menerajui wacana mengenai isu dasar awam.
- Membina jaringan antara individu berpemikiran yang sama.
  - Menganjurkan program berbentuk pendidikan.

**IDEAS bertindak sebagai sebuah pusat intelektual, menyediakan ruang dialog merentas parti yang berteraskan prinsip dan berorientasikan hasil**

**Tiga misi menyeluruh yang menjadi fokus IDEAS:**

- Memajukan sebuah ekonomi yang berdaya saing,
- Memastikan keyakinan terhadap institusi, dan
- Malaysia sebagai negara yang merangkumi semua.

Berikan sumbangan anda untuk menyokong IDEAS. Sumbangan boleh dilakukan melalui cek kepada "IDEAS Policy Research Berhad" atau melalui pindahan wang ke akaun bank kami CIMB 8008852042.

Hak Cipta © 2026 oleh IDEAS. Hak cipta terpelihara.

IDEAS Policy Research Berhad  
Suite 10-02, 10th Floor, Menara Atlan, 161B, Jalan Ampang, 50450  
Kuala Lumpur

[www.ideas.org.my](http://www.ideas.org.my)  
Nombor Pendaftaran: 1219187-V

## Penerbitan IDEAS (2025 - 2026)

---

### Laporan Dasar IDEAS

Policy Paper 93 – Guidance for Malaysia’s Caretaker Government: Lessons From Four Commonwealth Jurisdictions by Wo Chang Xi (May 2026)

Policy Paper 92 – How Costly are Political Parties? Exploring Political Expenses and Implication for Democracy by Muhammad Nur Syazwan Zainal Abidin, Sabrina Firdaus Aloysius and Mohammad Imamul Ariffin (May 2026)

Policy Paper No 91 – Federal Transfers and Fiscal Capacity in Malaysia: Evidence on Equalisation Across States by Nor Nazirah Mohamed, Zheng Sheng Lew, Nurul Aqilah Abdul Hadi (April 2026)

Policy Paper No 90 – The Bumiputera Vendor Development Programme (VDP) in Practice: Selection, Development and Graduation by IDEAS Research Team (March 2026)

Policy Paper No 89 – From Support to Success: Refocusing Bumiputera Trade Policies on Enterprise Outcomes by IDEAS Research Team (March 2026)

Policy Ideas No. 88 – Who Sits at the Table? From Political to Public Appointees in Malaysia’s Federal Statutory Bodies (FSBs) by Priya Kaur Sachdev and Alissa Marianne Rode (March 2026)

Policy Ideas No. 87 – Reporting and Disclosure Practices of Subnational Constituency Development Funds (CDF) in Malaysia by Sabrina Firdaus Aloysius and Priya Kaur Sachdev (January 2026)

### Laporan Ringkas IDEAS

ASEAN and OECD Alignment on State-owned Enterprise Governance Reforms by Alissa Marianne Rode and Ng Chien Chern (January 2026)

Future-proofing Investment Regulation Across ASEAN by Mohammad Jamil Hilmi bin A Ghani and Dr Stewart Nixon (January 2026)

Divided We Fall: ASEAN’s Response to Trump’s Illiberal Trade Agenda by Dr Stewart Nixon (January 2026)

### Laporan

ASEAN Integration Report 2025: Challenges and Opportunities for ASEAN MSME Trade – Insights from the Food and Beverage Industry by Sharmila Suntherasegarun, Amir Najmi, Priya Kaur Sachdev, and Nimitraa Youganesparan (November 2025)

Laporan Dasar IDEAS ialah penerbitan IDEAS yang memperkenalkan dan mencadangkan reformasi dasar berdasarkan analisis terhadap dasar sedia ada dan amalan terbaik.

Institut Demokrasi dan Hal Ehwal Ekonomi (IDEAS)  
Suite 10-02, 10th Floor, Menara Atlan, 161B, Jalan Ampang, 50450  
Kuala Lumpur

Laman web: [ideas.org.my](http://ideas.org.my) Tel: +603 2070 8881 / 8882 Faks: +603 2070 8883